



**GARIS PANDUAN**

**PERATURAN DAN SYARAT**

**PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN**

**IKHTIAR**

**UNIT PERKHIDMATAN PEMBIAYAAN (UPBN)**  
**AMANAH IKHTIAR MALAYSIA**

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

#### Maklumat Dokumen

<b>Tajuk Dokumen:</b>	Garis Panduan Peraturan dan Syarat Pengurusan Skim Pembiayaan Ikhtiar		
<b>Penulis Dokumen:</b>	Muhammad Nuramin bin Abdul Rahman	<b>No.Versi Dokumen:</b>	1.0
<b>Diluluskan Oleh:</b>	Tn. Haji Jani Izwandy Che Jan	<b>Tarikh Kuatkuasa:</b>	7/03/2024

#### Kronologi Versi

<b>Bil</b>	<b>Tarikh Diluluskan</b>	<b>No. Versi</b>	<b>Mukasurat/ Seksyen</b>	<b>Keterangan Ringkas Pindaan</b>	<b>Disahkan Oleh</b>
1.	20/12/2022	1.0	Semua Muka Surat	Dibatalkan	Tn. Haji Jani Izwandy Che Jan
2.	4/03/2024	1.0	M/s :7-8,16-17,20, 22-24, 26,40, 43-44, 46-47, 52	Dokumen Asal	Tn. Haji Jani Izwandy Che Jan

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

## Kandungan

<b>Maklumat Dokumen</b> .....	<b>2</b>
<b>Kronologi Versi</b> .....	<b>2</b>
<b>1.0 Pengenalan</b> .....	<b>4</b>
<b>2.0 Skim Pembiayaan</b> .....	<b>4</b>
<b>3.0 Laluan Pembiayaan</b> .....	<b>5</b>
<b>4.0 Pembiayaan Ekonomi</b> .....	<b>6</b>
<b>5.0 Pembiayaan Sosial</b> .....	<b>9</b>
<b>6.0 Pembiayaan Semula (<i>Re-Financing</i>)</b> .....	<b>12</b>
<b>7.0 Syarat-Syarat Umum Pembiayaan</b> .....	<b>13</b>
<b>8.0 Syarat-Syarat Khas dan Persetujuan Sahabat</b> .....	<b>16</b>
<b>9.0 Sokongan Kelulusan Permohonan Pembiayaan</b> .....	<b>25</b>
<b>10.0 Pengurusan Pembiayaan Berisiko</b> .....	<b>27</b>
<b>11.0 Pelaksanaan Konsep Murabahah Komidi / Tawarruq</b> .....	<b>34</b>
<b>12.0 Penggunaan Borang UPBN: P1 / Ben 8(a)</b> .....	<b>40</b>
<b>13.0 Senarai Borang Bagi Pengurusan Skim Pembiayaan Ikhtiar</b> .....	<b>41</b>
<b>14.0 Set Borang Permohonan Pembiayaan dan Kaedah Pengisian Borang</b> .....	<b>42</b>
<b>15.0 Panduan Mengisi Borang Permohonan Penjadualan Semula Bayaran (UPBN : P2)</b> .....	<b>49</b>
<b>16.0 Panduan Mengisi Borang Permohonan Penangguhan Bayaran (UPBN : P3)</b> .....	<b>51</b>
<b>17.0 Panduan Mengisi Borang Permohonan Batal Penangguhan Bayaran (UPBN : P5)</b> .....	<b>53</b>
<b>18.0 Panduan Mengisi Borang Pendaftaran Ben 8(a) (UPBN : P1/ BEN 8 (a))</b> .....	<b>54</b>

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

## 1.0 Pengenalan

Matlamat utama AIM ditubuhkan adalah untuk membantu Sahabat Usahawan mengeluarkan diri mereka dari belenggu kemiskinan melalui pembiayaan secara kecil-kecilan dan berterusan. AIM komited untuk menyalurkan pembiayaan ini melalui pendekatan yang mudah dan bersesuaian dengan golongan sasaran. Penyaluran pembiayaan yang berterusan dijangka memberi peluang kepada pemohon pembiayaan (Sahabat Usahawan) untuk membesarkan perniagaan dan membangunkan ciri-ciri keusahawan dengan berkesan.

AIM akan meneruskan pemberian pembiayaan berasaskan keyakinan yang telah ditunjukkan oleh Sahabat Usahawan sebelum ini. Dengan modal Sahabat Usahawan telah mewujudkan pelbagai jenis perniagaan baharu, memperkembangkan perniagaan yang ada dan mempelbagaikan lagi melalui peluang di sekitar. Bagi pihak AIM pula, operasi secara kos efektif adalah kaedah memastikan AIM boleh terus memperluaskan operasi, menjangkau seramai mungkin Sahabat Usahawan dan memberikan impak yang lebih positif kepada masyarakat.

## 2.0 Skim Pembiayaan

AIM menawarkan tujuh skim dengan had tertinggi jumlah pembiayaan dan tempoh-tempoh bayaran seperti Jadual 2.1:

Bil	Skim	Had Biaya (RM)	Tempoh bayar balik (Mingguan)
<b>Pembiayaan Ekonomi - Margin Keuntungan 10% setahun (setahun bersamaan 50 minggu)</b>			
1.1	i-Mesra	5,000 (maksimum)	12, 25, 35, 50
		5,001 - 10,000	12, 25, 35, 50, 75, 100
1.2	i-Srikandi	10,001 - 30,000	12, 25, 35, 50, 75, 100, 125, 150
1.3	i-Muda	5,000 (maksimum)	12, 25, 35, 50
		5,001 - 10,000	12, 25, 35, 50, 75, 100
		10,001 - 30,000	12, 25, 35, 50, 75, 100, 125, 150
<b>Pembiayaan Sosial - Margin Keuntungan 8% setahun (setahun bersamaan 50 minggu)</b>			

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

Bil	Skim	Had Biaya (RM)	Tempoh bayar balik (Mingguan)
2.1	i-Wibawa	15,000 (maksimum)	12, 25 minggu atau setiap bulan selama 6 bulan atau sekaligus
2.2	i-Sejahtera	5,000 (maksimum)	12, 25, 35, 50
		5,001 - 15,000	12, 25, 35, 50, 75,100
2.3	i-Bestari	1,000 - 3,000	12, 25, 35, 50
		3,001 - 5,000	12, 25, 35, 50, 75,100
2.4	i-Penyayang	1,000 - 3,000	12, 25, 35, 50
		3,001 - 5,000	12, 25, 35, 50, 75,100

**Jadual 2.1 : Skim Pembiayaan AIM**

### 3.0 Laluan Pembiayaan

Skim	Had Pembiayaan	Tempoh Bayar Balik
i-Mesra atau i-Muda	Kali Pertama: sehingga RM5,000	12, 25, 35, 50
i-Mesra atau i-Muda	Kali Kedua dan seterusnya: sehingga RM10,000 <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ sehingga RM5,000</li> <li>▪ RM5,001-RM10,000</li> </ul> <b>Asas Kelayakan:</b> Peningkatan maksimum RM5,000 daripada pembiayaan tertinggi terdahulu.	12, 25, 35, 50 12, 25, 35, 50, 75, 100
i-Srikandi atau i-Muda	Kali Ketiga dan Seterusnya: RM10,001 hingga RM30,000 <b>Asas Kelayakan:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Peningkatan maksimum RM5,000 daripada pembiayaan tertinggi terdahulu sama ada Skim i-Muda atau Skim i-Mesra atau Skim i-Srikandi; <b>atau</b></li> <li>▪ Jika pembiayaan tertinggi terdahulu RM20,000, sama ada Skim i-Muda atau Skim i-Srikandi, Sahabat Usahawan layak memohon sehingga RM30,000 tertakluk kepada kemampuan bayar balik, rekod disiplin yang baik dan projek berdaya maju.</li> </ul>	12, 25, 35, 50, 75, 100, 125, 150

**Jadual 3.1 : Laluan Pembiayaan Ekonomi**

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

<b>Skim</b>	<b>Had Pembiayaan</b>	<b>Tempoh Bayar Balik</b>
i-Bestari atau i- Penyayang	Kali Pertama: sehingga RM3,000	12, 25, 35, 50
	Kali Kedua dan Seterusnya: sehingga RM5,000 <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ sehingga RM5,000</li> </ul> <b>Asas Kelayakan:</b> Pembiayaan maksimum sehingga RM5,000 bagi pembiayaan kali kedua dan seterusnya.	12, 25, 35, 50, 75, 100
i-Wibawa	Kali Pertama: sehingga RM5,000 Kali Kedua dan Seterusnya: sehingga RM15,000 <b>Asas Kelayakan:</b> Peningkatan maksimum RM5,000 daripada pembiayaan tertinggi terdahulu.	12, 25 atau setiap bulan selama 6 bulan atau sekaligus
i-Sejahtera	Kali Pertama: sehingga RM5,000 Kali Kedua dan Seterusnya: sehingga RM15,000 <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ sehingga RM5,000</li> <li>▪ RM5,001-RM15,000</li> </ul> <b>Asas Kelayakan:</b> Peningkatan maksimum RM5,000 daripada pembiayaan tertinggi terdahulu.	12, 25, 35, 50 12, 25, 35, 50, 75, 100

**Jadual 3.2 : Lalan Pembiayaan Sosial**

#### 4.0 Pembiayaan Ekonomi

Pembiayaan Ekonomi ialah pembiayaan yang diberikan bertujuan meningkatkan pendapatan Sahabat Usahawan. Pembiayaan ini perlu digunakan untuk menjalankan sebarang kegiatan ekonomi yang memberi pulangan pendapatan kepada Sahabat Usahawan. Ianya boleh digunakan untuk memulakan projek yang baharu, menghidupkan projek yang telah mati atau membesarkan projek yang sedang dijalankan. Pembiayaan ini boleh digunakan oleh Sahabat Usahawan sendiri atau secara bersama dengan ahli keluarga seperti suami, anak yang tinggal bersama. Sahabat Usahawan boleh juga sebagai penyalur modal kepada projek yang dikendalikan oleh suami atau anak yang tinggal bersama dengan kawalan diperlukan kerana tanggungjawab untuk memastikan bayaran balik adalah terhadap Sahabat Usahawan. Sebagai usaha memperkasa Sahabat Usahawan, adalah digalakkan Sahabat Usahawan menggunakan

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

modal sendiri agar sumber pendapatan keluarga dapat dipelbagaikan. Bidang-bidang perniagaan yang boleh dan kebiasaan diceburi adalah:

- i. Peruncitan, pemborongan dan perdagangan
- ii. Pertanian, penternakan dan akuakultur
- iii. Perkhidmatan, pengangkutan, pelancongan dan rekreasi
- iv. Pembuatan dan pembinaan

Terdapat tiga jenis pembiayaan ekonomi iaitu i-Muda, i-Mesra dan i-Srikandi. Setiap Sahabat Usahawan ditawarkan pembiayaan di bawah kategori ini mengikut tahap/ peringkat kelayakan dan keperluan projek/ perniagaan mereka. Sahabat Usahawan baharu berumur 40 tahun dan ke bawah perlu mengambil pembiayaan i-Muda manakala yang berumur 40 tahun 1 hari ke atas perlu mengambil Skim i-Mesra atau i-Srikandi. Dalam menentukan Skim i-Muda atau i-Mesra / i-Srikandi ia bergantung pada umur sahabat semasa pembiayaan didaftarkan. Penerangan mengenai skim adalah seperti berikut:

#### **4.1 Pembiayaan i-Muda**

- i. Pembiayaan Skim i-Muda diperuntukkan dari kalangan golongan muda yang berumur di antara **18 tahun hingga 40 tahun**. Ia merupakan skim asas yang ditawarkan sebelum mengambil lain-lain pembiayaan. Sahabat Usahawan yang baru menyertai AIM, ditawarkan pembiayaan pertama maksimum sehingga jumlah RM5,000.
- ii. Sahabat Usahawan yang mengambil pembiayaan i-Muda tidak dibenarkan mengambil pembiayaan berkembar di bawah kategori Pembiayaan Ekonomi. Bagaimanapun Sahabat Usahawan boleh membuat pembiayaan berkembar dengan Pembiayaan Sosial.
- iii. Permohonan pembiayaan i-Muda berjumlah RM 20,001 dan ke atas perlu disertakan penyata akaun bank sama ada milik Sahabat Usahawan atau pengusaha projek (tiga bulan terakhir).

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

- iv. Bagi pembiayaan RM20,001 dan ke atas, Sahabat Usahawan mestilah mempunyai simpanan daripada mana-mana akaun simpanan sekurang-kurangnya 10% dari jumlah pembiayaan yang dipohon. (Termasuk Tabung Kumpulan Koperasi)
- v. Bagi pembiayaan RM20,001 dan ke atas, Penolong Pengurus Wilayah (PPW) dan ke atas perlu membuat Lawatan Pengawasan Projek (M8) terlebih dahulu sebelum dibentangkan di Mesyuarat Pusat. Semasa M8 dibuat, PPW dan ke atas perlu merekod kelayakan potensi pembiayaan maksimum yang boleh dipohon oleh Sahabat Usahawan di Borang UPBN:M8.
- vi. Tempoh sah laku M8 untuk menguruskan pembiayaan adalah (6) enam bulan bagi semua pembiayaan RM20,000 ke bawah manakala bagi pembiayaan RM20,001 dan ke atas **wajib** dibuat lawatan M8 (terkini) oleh pengurusan wilayah.

#### 4.2 Pembiayaan i-Mesra

- i. Pembiayaan Skim i-Mesra terbuka kepada Sahabat Usahawan yang berumur **40 tahun 1 hari dan ke atas**. Ia juga merupakan skim asas seperti Skim i-Muda yang ditawarkan kepada Sahabat Usahawan sebelum mengambil lain-lain pembiayaan. Jumlah ditawarkan pembiayaan pertama maksimum sehingga jumlah RM5,000.
- ii. Sahabat Usahawan yang mengambil pembiayaan i-Mesra tidak dibenarkan mengambil pembiayaan berkembar di bawah kategori Pembiayaan Ekonomi. Bagaimanapun Sahabat Usahawan boleh membuat pembiayaan berkembar dengan Pembiayaan Sosial.
- iii. Semua pembiayaan AIM yang berjumlah RM10,000 dan kurang adalah di bawah Skim Pembiayaan i-Mesra bagi Sahabat Usahawan yang berumur 40 tahun 1 hari dan ke atas.

#### 4.3 Pembiayaan i-Srikandi

- i. Pembiayaan i-Srikandi adalah pembiayaan yang berjumlah RM10,001 sehingga RM30,000 bagi Sahabat Usahawan yang berumur 40 tahun 1 hari dan ke atas.

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

- ii. Sahabat Usahawan yang mengambil pembiayaan i-Srikandi tidak dibenarkan mengambil pembiayaan berkembar di bawah kategori Pembiayaan Ekonomi. Bagaimanapun Sahabat Usahawan boleh membuat pembiayaan berkembar dengan Pembiayaan Sosial.
- iii. Permohonan pembiayaan i-Srikandi berjumlah RM 20,001 dan ke atas perlu disertakan penyata akaun bank sama ada milik Sahabat Usahawan atau pengusaha projek (tiga bulan terakhir).
- iv. Bagi pembiayaan RM 20,001 dan ke atas, Sahabat Usahawan mestilah mempunyai simpanan daripada mana-mana akaun simpanan sekurang-kurangnya 10% dari jumlah pembiayaan yang dipohon. (Termasuk Tabung Kumpulan Koperasi)
- v. Bagi pembiayaan RM20,001 dan ke atas, Penolong Pengurus Wilayah (PPW) dan ke atas perlu membuat Lawatan Pengawasan Projek (M8) terlebih dahulu sebelum dibentangkan di Mesyuarat Pusat. Semasa M8 dibuat, PPW dan ke atas perlu merekod kelayakan potensi pembiayaan maksimum yang boleh dipohon oleh Sahabat Usahawan di Borang UPBN:M8.
- vii. Tempoh sah laku M8 untuk menguruskan pembiayaan adalah (6) enam bulan bagi semua pembiayaan RM20,000 ke bawah manakala bagi pembiayaan RM20,001 dan ke atas **wajib** dibuat lawatan M8 (terkini) oleh pengurusan wilayah.

## 5.0 Pembiayaan Sosial

AIM menawarkan pembiayaan sosial yang melengkapkan keperluan kehidupan dan pembangunan Sahabat Usahawan secara berterusan. Pembiayaan yang disediakan ini adalah tambahan kepada pembiayaan asas (ekonomi). Selain itu, ianya adalah insentif kepada Sahabat Usahawan yang menunjukkan rekod menguruskan pembiayaan yang baik. Pembiayaan di bawah skim lain-lain ini dianggap kurang produktif kerana ianya tidak digunakan secara langsung untuk penambahan modal kepada perniagaan.

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

### 5.1 Pembiayaan i-Wibawa

- i. Skim yang ditawarkan kepada Sahabat Usahawan yang memerlukan tambahan modal untuk menjalankan projek secara bermusim atau peluang yang datang dalam masa yang singkat. Di antara projek ekonomi yang boleh dibiayai melalui i-Wibawa adalah seperti contoh berikut:
  - a. Perniagaan di bulan Ramadhan atau musim perayaan
  - b. Projek ditawarkan secara kontrak atau tender jangka pendek dengan jaminan keuntungan yang baik dan mendapat bayaran sekali gus; contohnya seperti tender kantin, kilang dan sebagainya.
- ii. Hanya ditawarkan kepada Sahabat Usahawan yang telah selesai pembiayaan i-Muda atau i-Mesra kali pertama.

### 5.2 Pembiayaan i-Sejahtera

- i. i-Sejahtera digunakan untuk membiayai aktiviti yang bersesuaian seperti pembaikan rumah, pembaikan premis perniagaan, pembelian aset tambahan, pelaburan (pembelian saham), pembelian emas, simpanan dan tambahan modal serta menjana ekonomi atau pendapatan. (pelbagai)
- ii. Pembiayaan ini mula ditawarkan setelah Sahabat Usahawan membayar balik melebihi (6) enam bulan bagi pembiayaan i-Muda atau i-Mesra kali pertama (tempoh percubaan bagi Sahabat Usahawan baru). Namun, ia bergantung kepada penilaian cawangan berdasarkan kepada kemampuan bayar balik Sahabat Usahawan.
- iii. Pembiayaan kali pertama sehingga RM5,000 dan maksimum pembiayaan sehingga RM15,000

### 5.3 Pembiayaan i-Bestari

- i. Skim pembiayaan i-Bestari disediakan untuk memberi kemudahan meningkatkan kemahiran dan pendidikan Sahabat Usahawan serta keluarga. Antara kegunaan

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

pembiayaan ini adalah untuk mengikuti kursus-kursus, mendapatkan lesen-lesen perniagaan atau kenderaan, pembelian komputer serta lain-lain yang berkaitan.

- ii. Bagi pendidikan anak-anak pula ialah memenuhi keperluan persekolahan dari peringkat rendah sehingga pusat pengajian tinggi seperti bayaran yuran pengajian, pembelian buku-buku atau peralatan/ kelengkapan pendidikan.
- iii. Pembiayaan ini mula ditawarkan setelah Sahabat Usahawan membayar balik melebihi (6) enam bulan bagi pembiayaan i-Mesra atau i-Muda kali pertama. (tempoh percubaan bagi Sahabat Usahawan baru). Namun, ia bergantung kepada penilaian cawangan berdasarkan kepada kemampuan bayar balik Sahabat Usahawan.
- iv. Pembiayaan kali pertama sehingga RM3,000 dan maksimum pembiayaan sehingga RM5,000.

#### **5.4 Pembiayaan i-Penyayang**

- i. Pembiayaan i-Penyayang disediakan untuk membantu Sahabat Usahawan yang menghadapi masalah kegagalan projek ekonomi disebabkan oleh bencana alam, kejatuhan ekonomi, isu kekeluargaan atau kelemahan pengurusan perniagaan.
- ii. Pembiayaan i-Penyayang ini ditawarkan kepada Sahabat Usahawan dengan syarat-syarat berikut:
  - a. Kelayakan adalah bagi Sahabat Usahawan yang mengalami masalah bayaran balik sama ada bertunggakan, menangguhkan bayaran balik atau memanjangkan tempoh bayaran balik (PJS).
  - b. Jumlah permohonan pada kali pertama dengan maksimum sehingga RM3,000 sahaja. Permohonan pada kali kedua dan seterusnya adalah sehingga RM5,000 iaitu setelah selesai pembayaran balik i-Penyayang sebelumnya.

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

- iii. Sekiranya projek Sahabat Usahawan telah pulih dan menyelesaikan bayaran balik semua baki pembiayaan yang tertanggung dan pembiayaan PJS, beliau layak mendapat skim lain yang ditawarkan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.
- iv. Sahabat Usahawan yang mengambil i-Penyayang tidak layak mendapat lain-lain skim sehingga selesai pembiayaan berkenaan.

### **6.0 Pembiayaan Semula (*Re-Financing*)**

Pembiayaan Semula hanya dibenarkan kepada status projek Sahabat Usahawan adalah berjaya serta tiada masalah/ krisis bayaran balik pembiayaan. Permohonan pembiayaan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Semua Skim Pembiayaan Ekonomi dan skim i-Sejahtera dibenarkan untuk pembiayaan semula setelah selesai bayaran balik separuh daripada pembiayaan tersebut dengan syarat bayaran balik sebelumnya mengikut jadual yang sempurna iaitu tidak bertunggakan.
- ii. Jumlah Sahabat Usahawan terima di tangan bagi setiap pembiayaan semula mestilah tidak kurang daripada RM3,000.00.
- iii. Permohonan pembiayaan semula perlu menggunakan Borang UPBN: P1 dan kelulusan akhir daripada Pengarah Urusan (PU) atau Wakil JPAIM.
- iv. Bagi permohonan pembiayaan semula yang berjumlah RM20,001.00 dan ke atas, Penolong Pengurus Wilayah dan ke atas perlu membuat M8 terkini kerana tiada tempoh sah laku M8 bagi pembiayaan ini. Jumlah RM potensi pembiayaan bersama tempoh bayaran balik perlu direkod di Borang Pengawasan Projek (UPBN : M8) yang dicetak daripada Sistem Pembiayaan Mikro AIM.
- v. Keberkesanan Operasi (OE) Pusat adalah 70% dan ke atas bagi melayakkan pembiayaan semula RM20,001.00 dan ke atas.
- vi. Ahli kumpulan lengkap 5 orang (semua ahli kumpulan adalah Sahabat Usahawan Aktif = Sahabat Usahawan yang tiada Tunggakan Tabung Kumpulan Koperasi)

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

vii. Kadar Kehadiran 70% dan ke atas.

viii. Pembiayaan RM20,001 dan ke atas kali pertama (skim i-Muda dan skim i-Srikandi) tidak dibenarkan membuat Pembiayaan Semula (Re-Financing)

ix. Bagi pembiayaan yang dibayar secara tunai iaitu RM5,000 dan ke bawah tidak dibenarkan Pembiayaan Semula (*Re-Financing*).

### 7.0 Syarat-Syarat Umum Pembiayaan

Semua permohonan mendapatkan pembiayaan adalah tertakluk kepada syarat dan kelayakan seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Keterangan</b>
1	Sahabat Usahawan Sah AIM	Pembiayaan hanya diluluskan kepada mereka yang telah disahkan menjadi Sahabat Usahawan dan dalam pendaftaran AIM.
2	Keanggotaan Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad (Koop Sahabat)	Sahabat Usahawan WAJIB menjadi Anggota Koop Sahabat bagi semua pembiayaan baru bermula 1 Januari 2023.
3	Aktiviti / Projek / Perniagaan Pembiayaan	<b>Pembiayaan dipohon hanya untuk membiayai aktiviti yang sah dari segi undang-undang dan patuh syariah Islam</b> (Rujuk senarai perkara-perkara yang dilarang di dalam Projek Pembiayaan AIM).
4	Syarat Kewarganegaraan (tertakluk syarat menjadi Sahabat Usahawan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Warganegara Malaysia dan mempunyai MyKad.</li> <li>ii. Bukan warganegara dan tiada Mykad tidak dibenarkan menyertai AIM (bermula pada tahun 2014).</li> <li>iii. Sahabat Usahawan yang menyertai AIM sebelum kuatkuasa kewarganegaraan, dibenarkan membuat pembiayaan mengikut prosedur yang telah disediakan.</li> </ul>
5	Akaun Bank	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mempunyai akaun bank sendiri</li> </ul>

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Keterangan</b>
		ii. Penggunaan akaun bank bersama dibenarkan dengan syarat meletakkan nama Sahabat Usahawan sebagai penama pertama semasa pendaftaran di Sistem Pembiayaan Mikro AIM.  iii. Sekiranya Sahabat Usahawan mufliis, dibenarkan menggunakan penama akaun lain dengan merujuk penggunaan Borang UPBN:P1/ Ben 8(a).  (Pertimbangan pembayaran melalui bayaran tunai dibenarkan tertakluk kepada prosedur sedia ada arahan dari semasa ke semasa.)
6	Kelayakan Umur	i. Kelayakan asas Sahabat Usahawan memohon pembiayaan adalah berumur 18 tahun dan ke atas (mengikut tarikh lahir sebenar semasa pembentangan)  ii. Tempoh selesai bayar balik pembiayaan adalah sebelum berumur 75 tahun.  iii. Bagi Sahabat Usahawan yang berumur melebihi 75 tahun semasa memohon pembiayaan, hanya layak dengan had maksima RM2,000 sahaja. dalam satu-satu masa dengan tempoh bayar balik sehingga 50 minggu untuk sebarang tujuan diluluskan.
7	Sokongan / Kelulusan Pembiayaan	Setiap pembiayaan perlu melalui proses sokongan dan kelulusan berperingkat iaitu kumpulan, pusat dan AIM.  <b>i. Kelulusan Kumpulan</b> Semua permohonan pembiayaan perlu mendapat kelulusan kumpulan melalui Mesyuarat Kumpulan yang diadakan sebelum Mesyuarat Pusat.  <b>ii. Kelulusan Pusat</b> Semua permohonan pembiayaan perlu mendapat kelulusan Pusat melalui Mesyuarat Pusat.  <b>iii. Kelulusan Pihak AIM</b>

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

Bil	Perkara	Keterangan																		
		<p>a. Semua permohonan pembiayaan yang diuruskan oleh pihak AIM adalah tertakluk kepada Prosedur Pengurusan Skim Pembiayaan Ikhtiar dengan tempoh masa mengurus ialah 16 hari bekerja.</p> <p>b. Berikut tempoh urus pembiayaan mengikut peringkat:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Peringkat</th> <th>Keterangan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Pegawai Amanah (PA)</td> <td>Tiga (3) hari bekerja bermula dari sehari selepas tarikh pembentangan di pusat.</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Pengurus Cawangan Kanan (PCK)/ Pengurus Cawangan (PC) / Penolong Pengurus Cawangan (PPC)</td> <td>Tiga (3) hari bekerja bermula dari sehari selepas tarikh penerimaan daripada PA.</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>Unit Perkhidmatan Pembiayaan (UPBN)</td> <td>Tiga (3) hari bekerja bermula sehari selepas tarikh pengesahan PCK/ PC/ PPC di Sistem Pembiayaan Mikro AIM.</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>Pengarah Urusan (PU) atau Wakil JPAIM (tertakluk Wakil JPAIM terkini)</td> <td>Dua (2) hari bekerja bermula sehari selepas tarikh pengesahan Penyelaras UPBN di Sistem Pembiayaan Mikro AIM.</td> </tr> <tr> <td>5</td> <td>Unit Dana Perbendaharaan dan Pengurusan Tunai</td> <td>Lima (5) hari bekerja bermula sehari selepas tarikh kelulusan peringkat PU dan Wakil (Ahli JPAIM) di Sistem Pembiayaan Mikro AIM.</td> </tr> </tbody> </table> <p>c. Jumlah pembiayaan sebenar adalah tertakluk kepada kelulusan pihak AIM dengan mengambil kira penalti dan pemberat kumpulan.</p>	Bil	Peringkat	Keterangan	1	Pegawai Amanah (PA)	Tiga (3) hari bekerja bermula dari sehari selepas tarikh pembentangan di pusat.	2	Pengurus Cawangan Kanan (PCK)/ Pengurus Cawangan (PC) / Penolong Pengurus Cawangan (PPC)	Tiga (3) hari bekerja bermula dari sehari selepas tarikh penerimaan daripada PA.	3	Unit Perkhidmatan Pembiayaan (UPBN)	Tiga (3) hari bekerja bermula sehari selepas tarikh pengesahan PCK/ PC/ PPC di Sistem Pembiayaan Mikro AIM.	4	Pengarah Urusan (PU) atau Wakil JPAIM (tertakluk Wakil JPAIM terkini)	Dua (2) hari bekerja bermula sehari selepas tarikh pengesahan Penyelaras UPBN di Sistem Pembiayaan Mikro AIM.	5	Unit Dana Perbendaharaan dan Pengurusan Tunai	Lima (5) hari bekerja bermula sehari selepas tarikh kelulusan peringkat PU dan Wakil (Ahli JPAIM) di Sistem Pembiayaan Mikro AIM.
Bil	Peringkat	Keterangan																		
1	Pegawai Amanah (PA)	Tiga (3) hari bekerja bermula dari sehari selepas tarikh pembentangan di pusat.																		
2	Pengurus Cawangan Kanan (PCK)/ Pengurus Cawangan (PC) / Penolong Pengurus Cawangan (PPC)	Tiga (3) hari bekerja bermula dari sehari selepas tarikh penerimaan daripada PA.																		
3	Unit Perkhidmatan Pembiayaan (UPBN)	Tiga (3) hari bekerja bermula sehari selepas tarikh pengesahan PCK/ PC/ PPC di Sistem Pembiayaan Mikro AIM.																		
4	Pengarah Urusan (PU) atau Wakil JPAIM (tertakluk Wakil JPAIM terkini)	Dua (2) hari bekerja bermula sehari selepas tarikh pengesahan Penyelaras UPBN di Sistem Pembiayaan Mikro AIM.																		
5	Unit Dana Perbendaharaan dan Pengurusan Tunai	Lima (5) hari bekerja bermula sehari selepas tarikh kelulusan peringkat PU dan Wakil (Ahli JPAIM) di Sistem Pembiayaan Mikro AIM.																		

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

Bil	Perkara	Keterangan
8	Syarat Keahlian Kumpulan	<p>i. Jumlah kelayakan RM Pembiayaan berdasarkan pemberat 20% kepada setiap ahli kumpulan iaitu Sahabat Usahawan Aktif.</p> <p>ii. Syarat untuk tolak pemberat bagi Sahabat Usahawan Tidak Aktif adalah tidak hadir (X) dan mempunyai Tunggakan Tabung Kumpulan Koperasi sekurang-kurangnya tiga (3) kali berturut-turut.</p> <p><b><u>Contoh pengiraan:</u></b>            Jumlah RM permohonan x Bilangan ahli kumpulan (Sahabat Usahawan Aktif) x 20%.            RM15,000 X 4 orang x 20% = RM12,000 atau            RM15,000 X 80% (4 orang Sahabat Usahawan Aktif) = RM12,000</p> <p>iii. Semua jenis pembiayaan hanya dikeluarkan kepada Sahabat Usahawan Aktif yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli dalam kumpulan.</p> <p>iv. Kumpulan yang mempunyai dua (2) ahli atau kurang hilang kelayakan membuat pembiayaan.</p>

### 8.0 Syarat-Syarat Khas dan Persetujuan Sahabat

Semua Sahabat Usahawan perlu bersetuju dengan syarat-syarat khas berikut bagi melayakkan Sahabat Usahawan menerima pembiayaan AIM.

Bil	Perkara	Keterangan
1	Akujanji (T6)	<p>i. Sahabat Usahawan perlu memahami dan akur kepada peraturan dan syarat-syarat pembiayaan, Ikrar dan Rukun AIM.</p> <p>ii. Sahabat Usahawan dan suami / anak / waris bersetuju bertanggungjawab kepada pembiayaan dan pembayaran balik yang dikenakan (tertakluk kepada syarat AIM)</p>

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Keterangan</b>
		iii. Sahabat Usahawan membenarkan Tabung Kumpulan Koperasi beliau digunakan jika beliau menghadapi masalah bayaran balik pembiayaan.  iv. Borang Akujanji (T6) perlu difailkan di Fail Peribadi Sahabat Usahawan.
2	Pengesahan Data Peribadi Sahabat Usahawan (T7)	i. Sahabat Usahawan perlu baca, fahami Dasar Perlindungan Data Peribadi AIM serta menyatakan persetujuan dan memberi kuasa kepada AIM :- <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Untuk meminta, memperolehi, mengumpul, memproses dan menyimpan kesemua maklumat data peribadi dalam borang ini bagi tujuan memproses permohonan ini dan semua tujuan-tujuan lain yang diperlukan berkaitan dengan mana-mana produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh AIM; dan</li> <li>▪ Untuk membenarkan AIM menzahirkan data peribadi kepada pihak-pihak tertentu seperti yang dinyatakan di dalam Dasar Perlindungan Data Peribadi AIM apabila dikehendaki bagi tujuan yang dinyatakan di dalamnya.</li> </ul> ii. Pengesahan ini merangkumi semua maklumat yang terkandung dalam semua borang berkaitan AIM yang telah / akan isi sepanjang menyertai AIM.  iii. Borang Pengesahan Data Peribadi Sahabat Usahawan (T7) perlu difailkan di Fail Peribadi Sahabat Usahawan.
3	Tabung Kebajikan dan Kesejahteraan Sahabat (TKKS)	Sahabat Usahawan hendaklah bersetuju menghalalkan 1% sebagai sumbangan ke TKKS daripada <b>semua pembiayaan</b> yang diluluskan kecuali skim i-Penyayang.
4	Tabung Khairat Hutang (TKH)	Sahabat Usahawan perlu bersetuju melindungi pembiayaan melalui TKH dengan kadar yang telah ditetapkan. Jumlah ini akan ditolak daripada jumlah pembiayaan yang diluluskan. TKH akan melindungi pembiayaan sekiranya berlaku kematian atau keilatan

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Keterangan</b>
		kekal dan penyakit kronik kepada Sahabat Usahawan atau pencarum kedua.
5	Jaminan Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Semua pembiayaan adalah berasaskan jaminan sosial Sahabat Usahawan kumpulan dan pusat berdasarkan persetujuan melalui ikrar, rukun, sokongan dan kelulusan asas serta persetujuan bersama yang ditetapkan dari semasa ke semasa.</li> <li>ii. Tiada cagaran atau penjamin dikenakan.</li> <li>iii. Tiada tindakan undang-undang menuntut hutang.</li> <li>iv. Setiap pembiayaan akan dilindungi oleh TKH mengikut kadar ditetapkan.</li> <li>v. Bersetuju dengan syarat-syarat dalam Akujanji pembiayaan.</li> <li>vi. Sahabat Usahawan perlu memahami terma dan syarat-syarat di Borang Permohonan Pembiayaan UPBN: P1 (Ruang Perseutujuan Dan Pengakuan Sahabat Usahawan/ Suami/ Anak/ Waris/ Wasi) sebelum menurunkan tandatangan.</li> </ul>
6	Tabung Kumpulan Koperasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sahabat Usahawan wajib menyimpan Tabung Kumpulan Koperasi (TKK) mengikut jumlah pembiayaan ekonomi minimum RM1 hingga maksimum RM33 bermula minggu pertama hadir Mesyuarat Pusat.</li> <li>ii. Bagi Sahabat Usahawan yang telah selesai semua pembiayaan (rehat), jumlah TKK tertakluk kepada kadar simpanan terakhir.</li> <li>iii. Simpanan TKK adalah tanggungan Koop Sahabat.</li> </ul>
7	Syarat Kehadiran Sahabat Usahawan (Disiplin)	<p>Setiap permohonan pembiayaan adalah tertakluk kepada disiplin yang merujuk kepada status kehadiran ke Mesyuarat Pusat. Syarat-syaratnya adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Sahabat Usahawan yang memohon:</b></li> </ul>

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Keterangan</b>
		<p>a. Wajib menghadiri Mesyuarat Pusat semasa pembentangan permohonan.</p> <p>b. Kadar kehadiran Sahabat Usahawan 50 minggu terakhir perlu mencapai 70% kehadiran (Y).</p> <p>c. Kehadiran yang kurang dari 70%, boleh mengemukakan permohonan khas kepada Pengurus Wilayah (PW) dan ke atas dengan menyertakan alasan beserta bukti-bukti yang menyokong permohonan untuk pertimbangan kelulusan PW dan ke atas.</p> <p>d. Selepas kelulusan PW dan ke atas, pihak cawangan perlu serah surat permohonan tersebut melalui medium e-Rekod atau aplikasi komunikasi yang bersesuaian kepada Penyelaras UPBN masing-masing sebagai lampiran rujukan untuk semakan pembiayaan.</p> <p>e. Sahabat Usahawan yang mempunyai rekod kehadiran kurang dari 50%, perlu menduduki Proses Penurunan Kuasa Semula (PPKS atau <i>Downloading</i>) – Pemulihan Kehadiran. Dokumen PPKS – Pemulihan Kehadiran perlu dilampirkan bersama Borang Permohonan Pembiayaan (UPBN : P1) bagi meneruskan pengurusan pembiayaan. Tempoh sah laku PPKS - Pemulihan ialah satu (1) tahun.</p> <p><b>Nota: Contoh tajuk surat permohonan ‘ PERMOHONAN KELULUSAN PEMBIAYAAN (KADAR KEHADIRAN BAWAH 70%) SAHABAT USAHAWAN (<u>nama</u>), CAWANGAN _____.</b></p> <p>ii. <b>Kumpulan:</b> Kehadiran setiap Sahabat Usahawan kumpulan adalah wajib semasa pembentangan <b>kecuali</b> yang mempunyai alasan berikut:</p> <p>a) Berkursus yang disahkan oleh pusat. (A4)</p> <p>b) Dalam tempoh kematian suami (Iddah) / Menghadiri kematian keluarga terdekat dengan makluman / pengesahan. (A2)</p>

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Keterangan</b>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>c) Bersalin. (A1)</li> <li>d) Sakit kronik atau kemalangan dan berada di hospital atau satu keadaan yang kritikal dengan pengesahan oleh pusat. (A2)</li> <li>e) Menunaikan haji / umrah. (A3)</li> <li>f) Sahabat Usahawan yang dalam proses Ben 9. (Tidak Hadir (X) dan Tunggakan Tabung Kumpulan Koperasi sekurang-kurangnya tiga (3) kali berturut-turut.)</li> </ul> <p>iii. Segala maklumat mengenai kehadiran mesti ditandakan di ruangan K helaiian pertama M6 Senarai Kutipan Pusat iaitu seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>/ - Hadir.</li> <li>X - Tidak Hadir Tanpa Alasan / kematian Sahabat Usahawan.</li> <li>L – Lewat.</li> <li>A1 – Bersalin.</li> <li>A2 – Sakit / Kematian ahli keluarga / Iddah.</li> <li>A3 – Menunaikan Fardhu Haji / Umrah.</li> <li>A4 – Menghadiri kursus.</li> <li>Nota – Rujuk Garis Panduan Pengisian M6 &amp; Penyediaan BD.</li> </ul> <p>iv. <b>Pusat:</b> Kadar kehadiran pusat semasa pembentangan adalah 70% iaitu Y daripada Jumlah Sahabat Usahawan Aktif (JSA) pusat.</p> <p><b>Nota :</b> Sahabat Usahawan Aktif = Sahabat Usahawan yang tiada Tunggakan Tabung Kumpulan Koperasi</p>
8	Status Risiko Pembiayaan (PAR)	<p>Pengeluaran pembiayaan adalah tertakluk kepada status PAR di peringkat Sahabat Usahawan dan pusat seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Sahabat Usahawan yang masih bertunggakan tidak dibenarkan memohon pembiayaan baharu kecuali setelah menyelesaikan tunggakan pembiayaan tersebut.</li> <li>b. Sahabat Usahawan hanya layak memohon pembiayaan i- Penyayang dalam tempoh bertunggakan.</li> </ul>

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

Bil	Perkara	Keterangan						
		<p>c. Kedudukan PAR di pusat mempengaruhi had kelayakan permohonan pembiayaan iaitu <b>sekiranya PAR Pusat:</b></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th colspan="2" style="background-color: black; color: white; text-align: center;"><b>Had Kelayakan Pembiayaan Bagi % PAR Pusat</b></th> </tr> <tr> <th style="background-color: black; color: white; text-align: center;"><b>2.00% - 4.99%</b></th> <th style="background-color: black; color: white; text-align: center;"><b>5% dan ke atas</b></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="vertical-align: top;"> <p>a. Layak RM5,000 dan ke bawah, kelulusan cawangan sahaja.</p> <p>b. Pembiayaan RM5,000 ke atas, perlu mendapat sokongan daripada PW dan ke atas terlebih dahulu sebelum pengesahan Pengurus Cawangan Kanan (PCK) / Pengurus Cawangan (PC) / Penolong Pengurus Cawangan (PPC) di Sistem Pembiayaan Mikro AIM.</p> <p>c. Selepas sokongan PW dan ke atas, pihak cawangan perlu serah surat permohonan tersebut melalui medium e-Rekod atau aplikasi komunikasi yang bersesuaian kepada Penyelaras UPBN masing-masing sebagai lampiran rujukan untuk semakan pembiayaan.</p> </td> <td style="vertical-align: top;"> <p>a. Layak RM5,000 dan ke bawah, kelulusan cawangan sahaja.</p> <p>b. Pusat perlu menjalani Proses Penurunan Kuasa Semula (PPKS) – Tunggakan sekiranya Sahabat Usahawan pusat ingin membuat pembiayaan melebihi RM5,000.</p> </td> </tr> </tbody> </table> <p>d. Penilaian peratusan PAR dibuat secara bulanan dengan mengambil % PAR hujung bulan sebelumnya. Contohnya, permohonan pembiayaan dibentangkan pada 4 November 2021, % PAR dinilai pada 31 Oktober 2021 dengan mengambil kira data rasmi atau rekod M6 yang dikeluarkan pada setiap bulan.</p>	<b>Had Kelayakan Pembiayaan Bagi % PAR Pusat</b>		<b>2.00% - 4.99%</b>	<b>5% dan ke atas</b>	<p>a. Layak RM5,000 dan ke bawah, kelulusan cawangan sahaja.</p> <p>b. Pembiayaan RM5,000 ke atas, perlu mendapat sokongan daripada PW dan ke atas terlebih dahulu sebelum pengesahan Pengurus Cawangan Kanan (PCK) / Pengurus Cawangan (PC) / Penolong Pengurus Cawangan (PPC) di Sistem Pembiayaan Mikro AIM.</p> <p>c. Selepas sokongan PW dan ke atas, pihak cawangan perlu serah surat permohonan tersebut melalui medium e-Rekod atau aplikasi komunikasi yang bersesuaian kepada Penyelaras UPBN masing-masing sebagai lampiran rujukan untuk semakan pembiayaan.</p>	<p>a. Layak RM5,000 dan ke bawah, kelulusan cawangan sahaja.</p> <p>b. Pusat perlu menjalani Proses Penurunan Kuasa Semula (PPKS) – Tunggakan sekiranya Sahabat Usahawan pusat ingin membuat pembiayaan melebihi RM5,000.</p>
<b>Had Kelayakan Pembiayaan Bagi % PAR Pusat</b>								
<b>2.00% - 4.99%</b>	<b>5% dan ke atas</b>							
<p>a. Layak RM5,000 dan ke bawah, kelulusan cawangan sahaja.</p> <p>b. Pembiayaan RM5,000 ke atas, perlu mendapat sokongan daripada PW dan ke atas terlebih dahulu sebelum pengesahan Pengurus Cawangan Kanan (PCK) / Pengurus Cawangan (PC) / Penolong Pengurus Cawangan (PPC) di Sistem Pembiayaan Mikro AIM.</p> <p>c. Selepas sokongan PW dan ke atas, pihak cawangan perlu serah surat permohonan tersebut melalui medium e-Rekod atau aplikasi komunikasi yang bersesuaian kepada Penyelaras UPBN masing-masing sebagai lampiran rujukan untuk semakan pembiayaan.</p>	<p>a. Layak RM5,000 dan ke bawah, kelulusan cawangan sahaja.</p> <p>b. Pusat perlu menjalani Proses Penurunan Kuasa Semula (PPKS) – Tunggakan sekiranya Sahabat Usahawan pusat ingin membuat pembiayaan melebihi RM5,000.</p>							

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

Bil	Perkara	Keterangan
		<p>Contoh pengiraan PAR (hujung bulan sebelum)</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 10px 0;"> <math display="block">\frac{\text{RM PAR hujung bulan sebelum}}{\text{RM Baki Kini hujung bulan sebelum}} \times 100 = \% \text{ PAR}</math> </div> <p>i. Baki pembiayaan PAR dikira dari RM baki kini pembiayaan bertunggak.</p> <p>ii. Baki kini ialah jumlah baki pembiayaan yang sedang bayar balik:-</p> <p>Contoh:</p> <p>Sahabat Usahawan Mona dari kumpulan satu mohon pembiayaan RM5,000 dan telah membayar balik sebanyak RM2,400 (baki pembiayaannya pada hujung bulan sebelum sebanyak RM2,600 dan beliau bertunggakan). Dengan andaian baki kini pusat pada hujung bulan sebelum sebanyak RM200,000 dan baki kini kumpulan pada hujung bulan sebelum sebanyak RM18,000.</p> <p>i. Pengiraan PAR pusat (hujung bulan sebelum):</p> $\text{RM2,600} / \text{RM200,000} \times 100 = 1.3\%$ <p>ii. Pengiraan PAR kumpulan (hujung bulan sebelum):</p> $\text{RM2,600} / \text{RM18,000} \times 100 = 14.4\%$
9	<p>i. Penggunaan Modal Tidak Sempurna (Kurang dari 51% - 79%)</p> <p>ii. Salah Guna Modal Pembiayaan (termasuk penggunaan)</p>	<p>i. Jika penggunaan modal adalah <b>tidak sempurna</b>, Sahabat Usahawan dikenakan penalti iaitu pembiayaan berikutnya hanya dibenarkan separuh dari jumlah pembiayaan sebelumnya.</p> <p>ii. Jika penggunaan modal <b>disalah guna</b>, Sahabat Usahawan dikenakan penalti iaitu pembiayaan berikutnya hanya dibenarkan separuh atau tidak melebihi RM5,000 dari jumlah pembiayaan sebelumnya (mana lebih rendah). Sahabat Usahawan perlu membuat bayaran balik mengikut jadual dan tidak dibenarkan membuat pembiayaan berkembar. Selepas</p>

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

Bil	Perkara	Keterangan
	modal kurang dari 50%)	<p>selesai bayar balik pembiayaan yang dipenaltikan, Sahabat Usahawan boleh kembali kepada laluan asal iaitu sebelum dipenaltikan.</p> <p>iii. Sahabat Usahawan tidak dibenarkan menyerahkan modal pembiayaan untuk kegunaan orang lain selain berdasarkan pecahan Pengguna Modal pada Borang UPBN: P1.</p> <p>iv. Sahabat Usahawan juga tidak dibenarkan menggunakan nama Sahabat Usahawan lain untuk tujuan permohonan pembiayaan.</p> <p>v. Bagi kes M5 (Tidak Sempurna atau Salah Guna Modal) disebabkan kecuaiannya kakitangan tidak menguruskan M5 mengikut tempoh dan tidak kemaskini di Sistem Pembiayaan Mikro AIM, permohonan pembiayaan baharu perlu bersama Surat Tunjuk Sebab yang disediakan PCK/ PC kepada kakitangan berkaitan. Kes ini tidak dikenakan penalti ke atas pembiayaan baharu sekiranya Sahabat Usahawan telah menyerahkan kepada Pegawai Amanah mengikut tempoh dan status M5 tersebut juga Sempurna dan sepatutnya telah diselesaikan.</p>
10	Pembiayaan Palsu ( <i>Phantom loan</i> )	<p>Pembiayaan palsu (<i>phantom loan</i>) bermaksud :-</p> <p>i. Pembiayaan yang tidak digunakan oleh Sahabat Usahawan yang membuat pembiayaan atau modal digunakan sepenuhnya oleh pihak lain kecuali bagi kategori Status Pengguna Modal : partnership dan pipeliner.</p> <p>ii. Pembiayaan yang dikongsi bersama Sahabat Usahawan atau kakitangan atau lain - lain individu <del>dengan</del> dalam pengetahuan Sahabat Usahawan berkenaan.</p> <p>iii. Pembiayaan dibuat tanpa pengetahuan Sahabat Usahawan yang didaftarkan membuat pembiayaan.</p> <p>Sahabat Usahawan dilarang keras untuk membenarkan pembiayaan digunakan oleh pihak lain dan akan</p>

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Keterangan</b>
		dipertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran balik pembiayaan.
11	Bilangan Skim Pembiayaan	<p>Kelayakan memohon pembiayaan pada suatu masa adalah seperti berikut;</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Sahabat Usahawan boleh membuat pembiayaan serentak atau berkembar dengan mana-mana skim kecuali i-Penyayang tetapi tertakluk kepada syarat dan rukun pembiayaan serta status projek yang menentukan keupayaan bayaran balik.</li> <li>ii. Walau bagaimanapun Sahabat Usahawan tidak boleh mengambil serentak atau berkembar antara Pembiayaan Ekonomi.</li> <li>iii. Sahabat Usahawan yang mengambil i-Penyayang tidak layak mendapat lain-lain skim sehingga selesai pembiayaan berkenaan.</li> <li>iv. Bagi pembiayaan RM20,001 dan ke atas kali pertama tidak dibenarkan Pembiayaan Semula (<i>refinance</i>)</li> <li>v. Sahabat Usahawan mesti mengambil pembiayaan ekonomi sebagai syarat untuk mengambil pembiayaan sosial. Keutamaan Sahabat Usahawan adalah kepada pembiayaan ekonomi. Kecuali i-Penyayang tidak layak mendapat lain-lain skim sehingga selesai pembiayaan berkenaan. Pembiayaan yang diambil oleh Sahabat Usahawan adalah bergantung kepada keupayaan dan kemampuan bayar balik Sahabat Usahawan.</li> </ol>
12	Kontrak Pembiayaan	Semua pembiayaan menggunakan Kontrak berasaskan Konsep Tawarruq.
13	Kadar Keuntungan Pembiayaan	Kadar Keuntungan (Margin Keuntungan) ditetapkan sebanyak 10% setahun (bersamaan 50 minggu) bagi semua skim di bawah Skim Pembiayaan Ekonomi.

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Keterangan</b>
		Kadar Keuntungan (Margin Keuntungan) ditetapkan sebanyak 8% setahun (setahun bersamaan 50 minggu) ditawarkan kepada semua skim di bawah Skim Pembiayaan Sosial.
14	Rebat (Ibra')	Bagi Sahabat Usahawan yang menjelaskan bayaran awal, Sahabat Usahawan layak mendapat Rebat (Ibra'). <i>Rebat (Ibra')</i> akan dimasukkan ke dalam akaun lebihan Sahabat Usahawan (penggunaan akaun lebihan adalah tertakluk kepada penetapan dari pihak Bahagian Kewangan)
15	Tempoh Mula Bayaran Balik Pembiayaan	Sahabat Usahawan akan mula membayar balik pembiayaan setelah dua (2) minggu arahan pindahan bayaran ke bank oleh Unit Dana Perbendaharaan dan Pengurusan Tunai (UDPT).
16	Borang Permohonan Pembiayaan dan Dokumen Sokongan	<p>i. Semua permohonan pembiayaan menggunakan set <b>Borang Permohonan Pembiayaan (UPBN-P1)</b> dan Sahabat Usahawan perlu melengkapkan semua maklumat yang diperlukan.</p> <p>ii. Dokumen yang perlu dilampirkan ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Salinan Kad Pengenalan</li> <li>• Salinan Akaun Bank</li> <li>• Sebutharga bagi pembelian Aset RM3,000 ke atas</li> <li>• Lesen-lesen perniagaan yang berkaitan dan sah (jika perlu)</li> <li>• Sokongan-sokongan teknikal yang berkaitan (jika perlu)</li> <li>• Surat-surat tawaran (keperluan mengikut skim)</li> <li>• Lejar berkaitan (jika perlu)</li> </ul>

## 9.0 Sokongan Kelulusan Permohonan Pembiayaan

Sahabat Usahawan (kecuali Sahabat Usahawan baharu dan permohonan pembiayaan skim I-Bestari) perlu memastikan permohonan pembiayaan telah dilawati oleh kakitangan AIM sebelum bentang di Mesyuarat Pusat (MP). Pengecualian lawatan kakitangan AIM bagi M8 yang masih dalam tempoh sah laku iaitu enam bulan bagi pembiayaan RM20,000 dan ke bawah.

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

### 9.1 Pengesahan Status Projek

- i. Semua permohonan pembiayaan perlu dilampirkan laporan status dan potensi projek berdasarkan lawatan melalui Proses Pengawasan Projek (M8) kecuali pembiayaan kali pertama untuk **Sahabat Usahawan baharu** dan **i-Bestari**.
- ii. Lawatan M8 perlu dilaksanakan oleh pegawai AIM melalui mengikut ketetapan seperti berikut:

<b>Pegawai/ Kakitangan</b>	<b>Kategori Permohonan Pembiayaan</b>
PA	Semua Pembiayaan - Pembiayaan RM15,000 ke bawah, PCK/ PC /PPC membuat pengesahan di Borang M8 sahaja bagi lawatan yang dibuat oleh PA.
PCK/ PC/ PPC	Bagi Pembiayaan RM15,001 hingga RM20,000.
Penolong Pengurus Wilayah (PPW) dan ke atas	Bagi Pembiayaan melebihi RM 20,001 dan ke atas. <b>Nota:</b> PPW dan ke atas akan mencatat potensi pembiayaan di Borang Proses Pengawasan Projek (UPBN : M8) sahaja.

- iii. Lawatan M8 yang dibuat PPC dan ke atas boleh diambil kira sebagai lawatan kuota PA dalam Sistem Pembiayaan Mikro AIM.
- iv. Tempoh sah laku M8 untuk menguruskan pembiayaan adalah enam (6) bulan. (Pengecualian bagi setiap pembiayaan RM20,001 dan ke atas, wajib Lawatan M8 terkini oleh PPW dan ke atas).

### 9.2 Pendapatan dan Potensi Pembiayaan

- i. Kelulusan pembiayaan tertakluk kepada status dan potensi projek yang dilaksanakan serta pendapatan isi rumah kerana ia menjamin potensi atau kemampuan untuk bayaran balik mingguan.

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

- ii. Jumlah pembiayaan yang dipohon adalah tertakluk kepada jumlah **25%** daripada jumlah anggaran pendapatan isi rumah semasa (berdasarkan pengiraan semasa urusan M8) sebagai petunjuk kemampuan bayaran balik Sahabat Usahawan.
- iii. Kaedah pengiraan 25% pendapatan adalah seperti berikut: **(Pengiraan kelayakan daripada sistem)**

*Pendapatan isi rumah (seluruh ahli yang bekerja dan sumbangan) sebulan x 25%.*

*Contoh: RM1,600 X 25% =RM400 sebulan atau RM100 seminggu.*

*Oleh itu jumlah pembiayaan akan datang sesuai dengan jumlah bayaran mingguan RM100.*

### 9.3 Pembayaran Kepada Sahabat Usahawan

Pembiayaan yang telah diluluskan akan dibayar terus kepada Sahabat Usahawan melalui kaedah berikut:

- i. Pembayaran ke akaun bank Sahabat Usahawan oleh pihak UDPT atau
- ii. Pembayaran tunai (IQT) di Mesyuarat Pusat bagi pembayaran RM5,000 dan ke bawah yang diluluskan untuk pembayaran tunai. (Pembiayaan semula atau re-finance tidak dibenarkan)
- iii. Jumlah pembayaran bersih dibayar kepada Sahabat Usahawan setelah ditolak potongan Caruman TKH (*Tabarru'*) dan Halal TKKS (*Tabarru'*).
- iv. Dokumen dan pengesahan pembayaran yang berkaitan akan disah dan diserahkan kepada Sahabat Usahawan.

### 10.0 Pengurusan Pembiayaan Berisiko

Bagi Sahabat Usahawan yang menghadapi masalah pembayaran balik, langkah-langkah berikut boleh dilaksanakan iaitu:

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

### 10.1 Penjadualan Semula Pembiayaan

Penjadualan Semula Pembiayaan (PJS) bermaksud Sahabat Usahawan dibolehkan untuk menstrukturkan semula tempoh bayaran balik dengan menjadualkan semula bayaran balik sama ada memanjangkan atau memendekkan tempoh bayaran KECUALI Skim Pembiayaan i-Wibawa.

PJS ini juga merupakan usaha untuk meringankan masalah tanggungan bayaran balik pembiayaan setelah Sahabat Usahawan mengalami krisis oleh pelbagai sebab. Berikut adalah peraturan dan syarat PJS.

1. Sahabat Usahawan dibenarkan memohon PJS dengan melengkapkan **Borang Permohonan Penjadualan Semula (UPBN : P2)**.
2. Bagi menangani krisis bayaran balik pembiayaan, PJS tertakluk kepada salah satu syor berikut:
  - a. Kes Sahabat Usahawan bermasalah projek dan masih ada di pusat atau kampung serta masih boleh dihubungi. Pusat dan cawangan boleh menguruskan permohonan PJS seperti biasa. Sekiranya Sahabat Usahawan tidak lagi mahu ke Mesyuarat Pusat, kumpulan dan pusat boleh ke rumah Sahabat Usahawan dan mendapatkan persetujuan untuk melaksanakan PJS.
  - b. Kes Sahabat Usahawan bermasalah projek dan telah melarikan diri serta tidak dapat dikesan. Walau bagaimanapun, waris beliau masih ada dan boleh bekerjasama. Pusat dan cawangan perlu mendapatkan persetujuan waris untuk membayar balik dan melengkapkan permohonan untuk melaksanakan PJS.
  - c. Kes Sahabat Usahawan bermasalah projek dan telah melarikan diri serta tidak dapat dikesan dan tidak mempunyai waris untuk dihubungi. Jika Sahabat Usahawan kumpulan dan pusat bersetuju dan rela (bagi menjaga rekod baik Pusat) untuk membayar balik pembiayaan, Jemaah Pusat boleh mengajukan permohonan untuk melaksanakan PJS.

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

- d. Kes Sahabat Usahawan bermasalah projek dan bayaran balik namun masih boleh dikesan serta boleh dihubungi tetapi tidak memberi kerjasama / persetujuan untuk melaksanakan PJS, pihak Jemaah Pusat boleh mengajukan permohonan untuk melaksanakan PJS.
- e. Kes Sahabat Usahawan yang membayar balik pembiayaan tetapi tidak mengikut jadual, Jemaah Pusat boleh mengajukan permohonan untuk melaksanakan PJS tanpa dipengaruhi oleh kakitangan.
3. PCK/ PC meluluskan penangguhan awal selama dua (2) minggu (tiada kutipan sebaik menerima syor daripada mana-mana pihak atau penerimaan Borang UPBN: P2) dan dalam tempoh ini menguruskan permohonan kelulusan kepada PPW dan ke atas.
  4. Lawatan Pengawasan Projek (M8) terkini di tapak projek dilaksanakan oleh PCK/ PC/ PPC bagi menilai kewajaran PJS diluluskan manakala PJS yang ditampung oleh waris, Sahabat Usahawan kumpulan atau pusat tidak perlu M8.
  5. Kelulusan akhir PJS adalah di peringkat PPW dan ke atas.
  6. Tempoh PJS maksimum adalah selama 3 tahun.
  7. Caruman tambahan bagi Caruman Tabung Khairat Hutang (TKH) (*Tabarru'*) adalah tertakluk kepada Prosedur Tabung Khairat Hutang dan Prosedur Pengurusan Tabung Kumpulan).
  8. Sekiranya dalam tempoh PJS, Sahabat Usahawan ingin memendekkan tempoh PJS boleh membuat permohonan PJS dengan mengisi Borang UPBN: P2.
  9. Bagi Sahabat Usahawan yang ingin menyelesaikan sekaligus PJS hanya perlu mengisi Borang Bayaran Awal Sekaligus (BKEW: BAS-01) dengan merujuk Prosedur Kutipan Bayaran – Garis Panduan Kutipan Bayaran Awal Sekaligus.
  10. Dalam masa PJS, Sahabat Usahawan boleh memohon Pembiayaan i-Penyayang sahaja bagi tujuan pemulihan projek tertakluk kepada syarat:
    - a. Sahabat Usahawan masih setia dan hadir ke Mesyuarat Pusat.

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

- b. Kelulusan kumpulan dan pusat.
  - c. Mempunyai cadangan projek yang sesuai.
11. Selepas selesai bayar balik **semua pembiayaan** termasuk PJS, Sahabat Usahawan layak memohon pembiayaan seperti biasa dengan jumlah pembiayaan tidak melebihi RM5,000 sahaja atau menyamai pembiayaan sebelumnya (mana lebih rendah). Namun begitu, sekiranya PJS ditampung oleh ahli kumpulan dan pusat, Sahabat Usahawan hilang kelayakan mohon pembiayaan baharu.
  12. Penalti **dikecualikan** bagi Sahabat Usahawan yang membuat PJS bertujuan untuk memendekkan tempoh pembiayaan daripada pembiayaan asal (bukan pembiayaan PJS).
  13. Mesyuarat Jemaah Pusat perlu memastikan semua Sahabat Usahawan bersetuju melalui persetujuan bertulis (Surat atau Minit Mesyuarat Jemaah Pusat dan tandatangan semua Sahabat Usahawan) terhadap permohonan PJS bagi kes tampung dan dilampirkan bersama borang UPBN: P2.
  14. PJS yang memanjangkan tempoh bayar balik hanya dibenarkan sekali sahaja untuk satu akaun pembiayaan.
  15. Berikut adalah PJS yang boleh dipertimbangkan untuk kelulusan:
    - a. Masalah kesihatan
      - Dokumen sokongan yang perlu dilampir bersama permohonan seperti laporan perubatan atau surat pengesahan daripada ahli keluarga atau gambar semasa keadaan Sahabat Usahawan.
    - b. Kemusnahan Projek / Projek gagal
      - Dokumen sokongan yang perlu dilampirkan bersama permohonan adalah Borang Pengawasan Projek (UPBN : M8) terkini dan gambar projek berkaitan jika perlu.
    - c. Masalah keluarga (*Pipe Liner / Partnership*)

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

- Sijil perceraian atau dokumen sokongan seperti surat pengesahan daripada Ketua Kampung / Imam.

16. Semua permohonan PJS bersama Borang UPBN: P2 perlu difailkan di Fail Peribadi Sahabat Usahawan dan Tempoh Menyimpan atau Tempoh Hayat adalah lima (5) tahun.

## 10.2 Penangguhan Bayaran Balik

Penangguhan Bayaran Balik Pembiayaan (TBB) adalah dibenarkan kepada Sahabat Usahawan yang mengalami krisis / hilang punca bayaran balik disebabkan kegagalan projek berpunca dari bencana alam, masalah kesihatan, masalah keluarga dan faktor-faktor lain luar kawalan. Peraturan TBB adalah seperti berikut:

1. Sahabat Usahawan dibenarkan memohon penangguhan bayaran balik dengan mengisi **Borang Permohonan Penangguhan Bayaran Pembiayaan (UPBN: P3)**.
2. TBB tertakluk kepada salah satu syor berikut:
  - a. Syor dan cadangan Sahabat Usahawan kepada PCK/ PC.
  - b. Syor dan cadangan Jemaah Pusat kepada PCK/ PC.
3. PCK/ PC meluluskan penangguhan awal selama dua (2) minggu (tiada kutipan sebaik menerima syor daripada mana-mana pihak melalui Borang UPBN: P3) dan dalam tempoh ini menguruskan permohonan kelulusan kepada PPW dan ke atas.

**Nota:** PPC dibenarkan meluluskan tangguh sekiranya ketiadaan PCK/ PC di cawangan melebihi tiga (3) hari bekerja.

4. Kelulusan akhir adalah oleh PPW dan ke atas.
5. Tempoh maksimum TBB bagi setiap permohonan adalah enam (6) bulan dan terhad kepada empat (4) kali permohonan dengan jumlah tempoh tangguh maksimum 12 bulan bagi setiap akaun pembiayaan.

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

6. Selepas selesai **semua** penangguhan, Sahabat Usahawan layak memohon pembiayaan seperti biasa dengan jumlah pembiayaan tidak melebihi RM 5,000 sahaja atau menyamai pembiayaan sebelumnya (mana lebih rendah).
7. Dalam masa TBB, Sahabat Usahawan boleh memohon Pembiayaan Penyayang sahaja jika perlu dan tertakluk kepada:
  - a. Sahabat Usahawan masih setia dan hadir ke Mesyuarat Pusat
  - b. Kelulusan kumpulan dan pusat.
  - c. Mempunyai cadangan projek yang sesuai
17. Bagi Sahabat Usahawan yang ingin membatalkan penangguhan dan ingin membuat bayaran balik pembiayaan mengikut jadual boleh membuat permohonan dengan mengisi Borang Permohonan Batal Penangguhan Bayaran (UPBN : P5). Pihak cawangan dan wilayah boleh mengemaskini di Sistem Pembiayaan Mikro AIM bersama Borang UPBN : P5.
18. Semua permohonan TBB bersama Borang UPBN: P3 dan Borang UPBN: P5 perlu difailkan di Fail Peribadi Sahabat dan Tempoh Menyimpan atau Tempoh Hayat adalah lima (5) tahun.

### **10.3 Penangguhan Bayaran Balik Akibat Meninggal Dunia / Kematian**

- i. Sahabat Usahawan atau pencarum kedua yang meninggal dunia dalam tempoh bayaran balik pembiayaan perlu ditangguhkan bayaran balik serta merta sebaik mendapat makluman berkaitan kematian. Sekiranya dokumen tuntutan tidak lengkap cawangan dibenarkan tangguh sementara selama dua minggu dengan mengisi Borang UPBN : P3 dan mengemaskini di Sistem Pembiayaan Mikro AIM.
- ii. Sahabat Usahawan atau waris melengkapkan borang berkaitan dengan menyertakan maklumat atau bukti dalam tempoh yang ditetapkan. (tertakluk kepada Prosedur Tabung Khairat Hutang dan prosedur berkaitan)

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

- iii. Pengesahan atau bukti yang diperlukan adalah seperti laporan daripada pihak polis / permit penguburan / pengesahan-pengesahan daripada Pengerusi JKK / Ketua Anak Negeri / Penghulu dan lain-lain yang bersesuaian.
- iv. PCK/ PC memastikan pengurusan tuntutan TKH, TKKS dan Pulangan Tabung Kumpulan Koperasi / Akaun Lebihan diuruskan dengan segera tertakluk kepada prosedur yang berkaitan.

#### 10.4 Pengurusan Pembayaran Bertunggak

Bagi Sahabat Usahawan dan pusat yang menghadapi masalah tertunggak pembayaran balik, beberapa langkah berikut dilaksanakan.

- i. Sokongan Sahabat Usahawan Pusat / Kumpulan

Berdasarkan ikrar dan rukun yang dipersetujui oleh Sahabat Usahawan, peranan sokongan dan tanggungjawab Sahabat Usahawan adalah untuk membantu menampung bayaran selagi dipercayai. Tiada had jumlah atau tempoh sekiranya Sahabat Usahawan **BERSETUJU** menampung bayaran.

- ii. Tindakan Khas PA / PC / PCK

PA / PC / PCK perlu mengadakan Mesyuarat Jemaah Pusat sebaik berlaku tunggakan dan mencadangkan pelan pemulihan mengatasi tunggakan. Antara pelan pemulihan adalah seperti berikut;

<b>Bil</b>	<b>Pelan Pemulihan</b>	<b>Keterangan</b>
1.	Tanggung	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Tangguh akan dilakukan kepada Sahabat Usahawan yang mempunyai masalah kesihatan, bencana, projek gagal dan lain-lain</li> <li>ii. Bagi penangguhan disebabkan kesihatan dan telah capai tempoh penangguhan maksimum 12 bulan, maka PA boleh menguruskan tuntutan keilatan dengan</li> </ol>

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

<b>Bil</b>	<b>Pelan Pemulihan</b>	<b>Keterangan</b>
		tertakluk kepada prosedur berkaitan (antaranya Prosedur Tabung Khairat Hutang).
2.	Kontra	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kontra dilakukan dengan menolak hutang pembiayaan dengan Tabung Kumpulan Koperasi.</li> <li>ii. Terdapat dua jenis kontra iaitu kontra Ben 9 dan Kontra Tunggakan Semasa.</li> <li>iii. Urusan kontra ini tertakluk kepada prosedur yang berkaitan (antaranya Prosedur Pengurusan Tabung Kumpulan).</li> </ul>
3.	PJS	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memanjangkan tempoh bayar balik bagi membolehkan Sahabat Usahawan bayar balik.</li> <li>ii. Terdapat dua jenis PJS iaitu PJS Pusat dan PJS yang dilakukan oleh Sahabat Usahawan sendiri.</li> <li>iii. Bagi PJS Sendiri yang mempunyai rekod bayar balik dan kehadiran yang baik layak untuk mendapatkan skim I- Penyayang</li> </ul>

Sekiranya tunggakan berlaku, semua peraturan dan syarat-syarat berkaitan kelulusan pembiayaan perlu dipatuhi.

## **11.0 Pelaksanaan Konsep Murabahah Komoditi / Tawarruq**

### **11.1 Konsep Tawarruq / Murabahah Komoditi**

*Tawarruq* merujuk kepada urus niaga *mua`malah* yang melibatkan dua peringkat urus niaga. Pada peringkat pertama, urus niaga tersebut melibatkan pembelian secara kredit antara pembeli dengan penjual asal sesuatu aset, dan pada peringkat kedua, pembeli kemudiannya akan menjual aset tersebut secara tunai kepada pihak ketiga. Ia dinamakan *tawarruq* kerana ketika membeli aset tersebut secara kredit, pembeli tidak berniat untuk

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

menggunakan atau memanfaatkannya, tetapi hanya ingin menjualnya semula bagi memperoleh wang tunai. Ia juga dikenali sebagai *murabahah* komoditi dan digunakan secara meluas dalam produk deposit, pembiayaan, pengurusan aset dan tanggungan serta pengurusan risiko.

### 11.2 Produk Pembiayaan Berasaskan Tawarruq / Murabahah Komoditi

Terdapat banyak Institusi Kewangan Islam yang telah menawarkan produk pembiayaan berasaskan konsep *tawarruq* atau *murabahah* komoditi. Mekanisme pembiayaan *murabahah* komoditi yang dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

- i. Institusi Kewangan Islam membeli komoditi daripada peniaga atau pembekal komoditi (A) secara tunai dalam pasaran komoditi yang diiktiraf;
- ii. Institusi kewangan Islam menjual komoditi tersebut kepada pelanggan secara kredit pada harga kos ditambah margin keuntungan; dan
- iii. Pelanggan melantik institusi kewangan Islam sebagai wakil untuk menjual komoditi tersebut kepada peniaga atau pembekal komoditi (B) yang lain secara tunai dalam pasaran komoditi.

Jualan secara tunai daripada pelanggan kepada peniaga komoditi (B) akan membolehkan pelanggan mendapatkan amaun tunai pembiayaan, manakala jualan secara tangguh daripada institusi kewangan Islam kepada pelanggan akan mewujudkan obligasi kewangan yang perlu dibayar oleh pelanggan dalam tempoh yang telah dipersetujui.

Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia pada mesyuarat ke – 51 bertarikh 28 Julai 2005 telah memutuskan bahawa produk pembiayaan yang berasaskan konsep *Tawarruq* adalah dibenarkan.

### 11.3 Dalil-dalil Keharusan Tawarruq

Dalil-dalil dan pandangan berkaitan keharusan *Tawarruq* seperti yang berikut:

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

**i. Firman Allah SWT:**

*“...padahal Allah SWT telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba...”*

*Surah al-Baqarah, ayat 275.*

Berdasarkan pengertian umum ayat ini, para ulama berpendapat bahawa *tawarruq* dibolehkan kerana ia merupakan sebahagian daripada kegiatan jual beli. Ia mungkin berlaku dengan tujuan memperolehi wang tunai sama ada dengan pengetahuan atau tanpa pengetahuan semua pihak yang terlibat.

Ia juga mungkin dilakukan kerana desakan keadaan atau sebagai kebiasaan dalam amalan sesetengah pihak atau institusi.

**ii. Kaedah fiqah:**

*“ Menurut kaedah asal hukum, mua`malah adalah harus, kecuali ada dalil yang mengharamkannya.”*

*Al-Syafii, Al-Umm, Bait al-Afkar al-Dawliyyah, (t.t.), h. 438.*

**iii. Pandangan ulama semasa telah mengharuskan penggunaan *tawarruq* berdasarkan pandangan dalam kalangan mazhab Hanafi, Hambali dan Syafii yang mengharuskan penggunaan *tawarruq*.**

*Ibnu al-Humam, Syarh Fath al-Qadir, Dar al-Kutub al-`Ilmiyah, 2003, j. 7, h. 199; Ibnu Muflih, Al-Furu`, Bait al-Afkar al-Dawliyyah, 2004, h. 931; manakala pandangan ulama Syafii dilihat dari keharusan bai` `inah.*

**11.4 Pembekal Komoditi – Bursa Suq al-Sila’**

Dalam melaksanakan konsep *tawarruq* ini, AIM telah memilih Bursa Suq al-Sila’ (BSAS) sebagai pembekal komoditi. BSAS menyediakan platform dagangan komoditi Syariah berasaskan web sesawang elektronik sepenuhnya yang dikenali sebagai *Commodity Murabahah House* (CMH). Ia merupakan platform komoditi antarabangsa yang memudahkan urusan niaga pelaburan dan pembiayaan Islam berasaskan komoditi di bawah prinsip *tawarruq*, *murabahah* dan/atau *musawamah*. Sebagai permulaan, minyak sawit

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

mentah (*crude palm oil* (CPO)) yang mempunyai spesifikasi yang jelas didagangkan di CMH dalam nilai ringgit.

Penggunaan CPO sebagai aset sandaran dilihat sebagai memenuhi syarat-syarat barangan untuk urus niaga jual beli kerana ia wujud dan boleh dikenal pasti (secara zat), boleh dimiliki sebelum dijual, serta kualitinya boleh ditentukan berdasarkan spesifikasi yang ditetapkan dari segi intipati, piawaian dan nilai. Di samping itu, CPO yang dijual beli adalah bebas daripada sebarang terma ikatan dan CPO tersebut boleh dihantar untuk serahan kepada pembeli.

## 11.5 Rukun dan Syarat Murabahah

### i. Pihak yang beraqad (Penjual dan Pembeli)

- a. Mampu menerima tanggungjawab – ‘aqil (waras), baligh (cukup umur), rasyid (cerdik)
- b. Tidak dilarang daripada memasuki kontrak – muflis atau boros (safih)
- c. Tidak dipaksa untuk memasuki kontrak
- d. Penjual dan pembeli mungkin individu (Syahksiyah Tabi'iyah) atau organisasi (Syahksiyah i'tibariyyah)

### ii. Barang/ Subjek Akad

- a. Mestilah wujud semasa aqad
- b. Mestilah berada dalam pemilikan penjual
- c. Mestilah berada dalam pegangan penjual asli
- d. Halal mengikut Syariah
- e. Berguna/ bernilai mengikut Syariah
- f. Mestilah mampu disampaikan, iaitu bebas daripada sebarang cagaran.
- g. Mestilah jelas, dikenalpasti berdasarkan alamat, spesifikasi atau gambar.

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

### iii. Harga

- a. Mestilah menggunakan matawang yang dikenali dan masa bayaran harga jualan ditentukan pada masa aqad.
- b. Harga jualan mestilah dalam satu jumlah yang pasti yang merangkumi kos dan keuntungan.

### iv. Sighah (ijab dan qabul)

- a. Mestilah menggunakan ayat yang jelas, nyata dan tetap.
- b. Mestilah tidak bersyarat.
- c. Mestilah tidak terikat kepada suatu tempoh masa.
- d. Penerimaan mesti selari dengan penawaran.
- e. Dilaksanakan di dalam satu majlis yang sama (majlis akad)

## 11.6 Elemen Wakalah dalam Pelaksanaan Tawarruq / Murabahah Komoditi

### i. Wakalah - Definisi Wakalah

Suatu kontrak pelantikan ejen di mana seseorang individu melantik seseorang yang lain untuk bertindak bagi pihak beliau. Dengan kata lain, Wakalah bermaksud memberi kuasa kepada orang lain untuk mengurus hal-hal tertentu di bawah kuasanya.

### ii. Dalam pembiayaan Islam, kontrak Wakalah boleh diaplikasikan dalam dua (2) keadaan:

- a. Pembiaya dilantik oleh pelanggan untuk bertindak sebagai ejen pelanggan
- b. Pembiaya melantik pelanggan sebagai ejen pembiaya.

## 11.7 Projek-Projek Yang Dilarang Di Dalam Pembiayaan AIM (*Syariah Negative List*)

Amanah Ikhtiar Malaysia mengeluarkan pembiayaan kepada Sahabat Usahawan tanpa mengira bangsa dan agama. Dari segi tujuan permohonan juga tiada sebarang paksaan

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

samada dari segi jumlah permohonan mahupun kegunaan modal tersebut asalkan ianya meningkatkan taraf ekonomi keluarga. Namun demikian, Sahabat Usahawan masih terikat dengan syarat projek tersebut tidak bersalahan dengan Hukum Syarak dan Perundangan Negara seperti berikut:

- i. Kakitangan perlu berhati hati semasa meneliti penggunaan modal agar patut syariah samada Sahabat Usahawan Islam mahupun bukan islam.
- ii. Untuk memastikan sumber pendapatan AIM adalah menepati syariah dan jauh daripada unsur *riba, gharar dan maysir* .
- iii. Jika perkara tersebut di luar bidang kuasa AIM, dimana di dalam penggunaan modal tidak disebutkan perkara-perkara yang dilarang itu, maka kakitangan tidak dikira bersubahat.
- iv. Berikut disenaraikan senarai perkara-perkara yang dilarang di dalam Projek Pembiayaan AIM.

<b>BIL</b>	<b>SENARAI AKTIVITI PERNIAGAAN TIDAK PATUH SYARIAH</b>
<b>A</b>	<b>Aktiviti Pertanian</b>
	1. Tanaman Pokok Ganja 2. Tanaman Pokok Ketum
<b>B</b>	<b>Aktiviti Ternakan</b>
	1. Ternakan khinzir, anjing dan haiwan yang dilarang dalam Islam.
<b>C</b>	<b>Aktiviti Perikanan</b>
	Tiada
<b>D</b>	<b>Aktiviti Pembuatan</b>
	1. Mengukir Patung Penyembahan 2. Mengukir tatu
<b>E</b>	<b>Aktiviti PERNIAGAAN</b>
	1. Berniaga Barangan Penyembahan / Peralatan Sembahyang Bukan Islam 2. Berniaga kinzir dan anjing 3. Berniaga Arak 4. Jual beli dadah 5. Jual beli senjata api 6. Penyeludupan Barangan Terkawal

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

<b>BIL</b>	<b>SENARAI AKTIVITI PERNIAGAAN TIDAK PATUH SYARIAH</b>
	7. Berniaga Loteri 8. Berniaga Matawang (Forex) 9. Berniaga Bahan Lucah 10. Aktiviti Perjudian 11. Pelaburan Skim Cepat Kaya 12. Perniagaan Vape / Rokok
<b>F</b>	<b>Aktiviti Perkhidmatan</b>
	1. Perkhidmatan Pelacuran / Rumah Urut 2. Hiburan tidak patuh syariah seperti hiburan karaoke yang menghidang alkohol, produksi filem yang menghasilkan filem haram
<b>G</b>	Semua aktiviti yang telah disenaraikan pada Jadual 2.0 adalah sebagai perniagaan yang dilarang di dalam projek pembiayaan dengan TERTAKLUK juga kepada perkara yang bertentangan undang-undang negara atau negeri yang sedang berkuatkuasa.

Sumber: Petikan dari Lampiran Manual Kualiti – Sumber Rujukan Titik Kawalan Kritikal Syariah (Rujukan 10: Pengurusan Pembiayaan AIM).

## 12.0 Penggunaan Borang UPBN: P1 / Ben 8(a)

Sahabat Usahawan Muflis/ Senarai Hitam, tidak dapat dikesan, tiada waris, meninggal dunia, berhutang di pusat dan masalah akaun bank dibolehkan menggunakan Borang Ben 8(a) dengan tujuan permohonan pembiayaan, urusan Pengeluaran Tabung Kumpulan Koperasi, tuntutan Tabung Kebajikan Kesejahteraan Sahabat (TKKS), tuntutan Tabung Khairat Hutang dan urusan pembayaran Elaun Ketua Pusat.

- i. Penggunaan akaun yang dibenarkan mewakili Sahabat Usahawan adalah seperti berikut:-
  - a. Akaun Suami Sahabat Usahawan berkenaan;
  - b. Akaun Anak-anak Sahabat Usahawan yang telah layak membuka akaun bank sendiri;
  - c. Akaun Waris terdekat sekiranya Sahabat Usahawan tiada mempunyai suami atau anak-anak (ibu, bapa atau saudara kandung);

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

d. Jika Sahabat Usahawan tidak memenuhi syarat a,b dan c di atas, akaun Ketua Pusat atau Pengerusi Kumpulan dibenarkan dengan mendapatkan pengesahan pemimpin tempatan.

ii. Kelulusan di peringkat cawangan adalah Pengurus Cawangan Kanan (PCK)/ Pengurus Cawangan (PC). Sekiranya ketiadaan PCK/ PC dalam tempoh yang panjang (lebih tiga hari bekerja), PPW dan ke atas akan mengambil tanggungjawab untuk mengesahkan kelulusan di peringkat cawangan.

iii. Kelulusan akhir adalah Timbalan Pengurus Wilayah dan ke atas.

**PERINGATAN:**

Ben 8(a) untuk tujuan permohonan TKKS dan TKH, sila rujuk Prosedur di bawah Unit Dana Kebajikan Sahabat (UDKS).

**13.0 Senarai Borang Bagi Pengurusan Skim Pembiayaan Ikhtiar**

1. Borang Permohonan Pembiayaan (UPBN:P1)
2. Borang Persetujuan Melantik Wakil (Wakalah) (UPBN:P1-KM1)
3. Borang Kontrak Murabahah (UPBN:P1-KM2)
4. Borang Pengesahan Perlantikan Semula Wakil (Wakalah) Bagi Pembelian Dan Penjualan Komoditi (UPBN:P1-KM3)
5. Borang Permohonan Penjadualan Semula Bayaran (UPBN:P2)
6. Borang Permohonan Penangguhan Bayaran (UPBN:P3)
7. Borang Permohonan Pembatalan Pembiayaan (UPBN:P4)
8. Borang Permohonan Pembatalan Penangguhan Bayaran (UPBN:P5)
9. Borang Pendaftaran Ben 8(a) (UPBN:P1/BEN 8(a))
10. Borang Pengesahan Penggunaan Modal (UPBN:M5)
11. Borang Pengawasan Projek (UPBN:M8)

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

#### 14.0 Set Borang Permohonan Pembiayaan dan Kaedah Pengisian Borang.

##### 14.1 Set borang permohonan pembiayaan terdiri daripada:

##### i) Borang Permohonan Pembiayaan – (UPBN: P1)

- Borang ini perlu dilengkapkan bagi semua jenis permohonan pembiayaan.
- Mengandungi tiga (3) muka surat dicetak depan dan belakang yang perlu dilengkapkan oleh semua pihak yang berkaitan.

##### ii) Borang Persetujuan Melantik Wakil (Wakalah) – (UPBN: P1-KM1)

- Borang ini perlu dilengkapkan oleh Sahabat Usahawan bagi semua jenis permohonan pembiayaan dan dilampirkan bersama dengan Borang Permohonan Pembiayaan (UPBN: P1).
- Borang ini berwarna merah jambu dicetak depan belakang dan perlu dilengkapkan di semua bahagian semasa Mesyuarat Pusat.

##### iii) Borang Kontrak Murabahah – (UPBN: P1-KM2)

- Borang ini dilengkapkan oleh pegawai yang dilantik di Unit Dana Perbendaharaan dan Pengurusan Tunai (UDPT).
- Mengandungi satu (1) muka surat dan berwarna kuning.

##### iv) Borang Pengesahan Perlantikan Semula Wakil (Wakalah) Bagi Pembelian dan Penjualan Komoditi – (UPBN: P1-KM3)

- Borang ini adalah untuk mengambil tindakan pembetulan serta merta jika cawangan mendapati Borang Wakalah 1 atau / dan Wakalah 2 (Borang UPBN: P1-KM1) tidak lengkap diisi **selepas** Sahabat Usahawan menerima wang jualan komoditi (pembiayaan).
- Sahabat Usahawan mesti mengesahkan semula perlantikan AIM sebagai wakil untuk pembelian dan penjualan komoditi dengan melengkapkan borang ini.

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

- Pihak cawangan dan wilayah mesti sedaya upaya tidak menguruskan pembiayaan di mana borang UPBN: KM-1 tidak lengkap kerana penggunaan borang ini mestilah pada tahap paling minima.

#### 14.2 Kaedah Pengisian Borang Permohonan Pembiayaan – (UPBN: P1)

<b>BIL</b>	<b>PEKARA / KETERANGAN</b>
<b>A</b>	<b>MAKLUMAT PEMOHON</b> i. Lengkapkan maklumat dengan menulis nama Sahabat Usahawan / suami serta nombor kad pengenalan masing-masing. ii. Nyatakan alamat rumah dengan lengkap. iii. Nyatakan alamat premis atau tempat / tapak projek dilaksanakan <b>jika berlainan</b> dengan alamat rumah. iv. Nyatakan nama Pusat. v. Nyatakan nombor telefon (Pemohon/ Suami atau ahli keluarga Pemohon) sama ada telefon bimbit, telefon rumah atau telefon premis perniagaan (dikemaskini dalam Sistem Pembiayaan Mikro AIM maklumat ini)
<b>B1</b>	<b>MAKLUMAT PERMOHONAN PEMBIAYAAN</b> i. Nyatakan jenis skim sama ada i-Muda, i-Mesra, i-Srikandi, i-Wibawa, i-Bestari, i-Sejahtera atau i-Penyayang. ii. Bulatkan yang berkaitan sahaja – contoh pilihan bayaran ialah 50 minggu. <p style="text-align: center;">(12 / 25 / 35 / <b>50</b> / 75 / 100 / 125 / 150)</p> iii. Bulatkan jenis pembiayaan sama ada <b>BIASA / PEMBIAYAAN SEMULA</b> iv. Jumlah (RM) dan Ringgit Malaysia (dalam perkataan) adalah jumlah asal yang dipohon oleh sahabat sebelum kelulusan dalam Mesyuarat Kumpulan dan Mesyuarat Pusat iaitu sebelum ditolak pemberat kumpulan. v. Nyatakan tujuan / projek yang akan dilaksanakan melalui pembiayaan yang dipohon.
<b>B2</b>	<b>MAKLUMAT PEMBELIAN KOMODITI</b> i. Ruangan ini perlu diisi selepas mendapat kelulusan dalam Mesyuarat Pusat dan sama seperti Borang Persetujuan Melantik Wakil (Wakalah) iaitu Borang UPBN: P1-KM1. ii. Harga Belian dari Pasaran (a) adalah jumlah pembiayaan yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Pusat. iii. Kadar Keuntungan (Margin Keuntungan) mengikut kategori : a. Skim Pembiayaan Ekonomi – 10% (setahun bersamaan 50 minggu) daripada Harga Belian dari Pasaran b. Skim Pembiayaan Sosial – 8% (setahun bersamaan 50 minggu) daripada Harga Belian dari Pasaran

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

<b>BIL</b>	<b>PEKARA / KETERANGAN</b>
	c. Jumlah Kadar Keuntungan (Margin Keuntungan) boleh merujuk pada P1L5. iv. Harga Jualan Kepada Sahabat adalah Harga Belian dari Pasaran ditambah bersama Kadar Keuntungan (Margin Keuntungan) (a) + (b).
<b>C1</b>	<b>PECAHAN PENGGUNAAN MODAL</b> Pecahan Modal - Senaraikan barangan yang perlu dibeli serta harganya untuk keperluan projek yang akan diusahakan mengikut harga seunit, jumlah unit dibeli dan jumlah besar harga pembelian. Sekiranya ruangan pecahan penggunaan modal tidak mencukupi, sila gunakan lampiran dengan mencatatkan pembelian barangan mengikut contoh ruangan C1. Semakan pecahan modal P1 perlu teliti dan pastikan ianya sesuai dan munasabah dengan projek yang dijalankan. Pihak cawangan dan wilayah perlu memastikan; <ol style="list-style-type: none"> <li>Jumlah pecahan modal mestilah sama atau lebih dengan jumlah pembiayaan yang dipohon. Bagi pembiayaan semula (<i>re-financing</i>), pecahan modal dibenarkan sama atau lebih dengan jumlah pembiayaan yang dipohon setelah ditolak 'Baki Hutang'.</li> <li>Sekiranya pecahan modal melibatkan sewa beli, salinan perjanjian perlu dilampirkan.</li> <li>Bagi pecahan modal melibatkan pembelian 1 unit barangan atau aset melebihi RM 3,000 ianya perlu disokong dengan sebut harga / invois berkaitan.</li> </ol>
<b>C2</b>	<b>MAKLUMAT i-BESTARI</b> Dilengkapkan apabila Sahabat Usahawan memohon pembiayaan i-Bestari – nyatakan nama anak, tahun / tingkatan dan nama sekolah / Institusi Pengajian Tinggi (IPT) anak-anak yang akan dibiayai oleh i-Bestari yang dipohon.
<b>D</b>	<b>PERSETUJUAN DAN PENGAKUAN SAHABAT USAHAWAN/ SUAMI / ANAK / WARIS/ WASI</b> Sahabat Usahawan / Suami / Anak / Waris/ Wasi menandatangani ruangan berkaitan sebagai persetujuan dan pengesahan bahawa segala maklumat yang diberi adalah benar serta catatkan tarikh semasa mengisi borang UPBN: P1.
<b>E</b>	<b>PENGESAHAN DAN KELULUSAN KUMPULAN</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>Sahabat Usahawan mesti memaklumkan kepada Pengerusi Kumpulan tentang hasrat untuk mendapatkan pembiayaan.</li> <li>Pengerusi mesti memanggil Mesyuarat Kumpulan (MK) untuk membincangkan kelulusan permohonan pembiayaan sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat Pusat.</li> <li>Semua ahli Kumpulan mesti menandatangani Borang UPBN: P1 semasa MK sebagai sokongan dan persetujuan kumpulan.</li> <li>Nyatakan tarikh Mesyuarat Kumpulan, % Pemberat Kumpulan serta jumlah yang diluluskan.</li> </ol>

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

<b>BIL</b>	<b>PEKARA / KETERANGAN</b>
<b>F</b>	<p><b>PENGESAHAN DAN KELULUSAN PUSAT</b></p> <p>i. Setiausaha Pusat/ Timbalan Ketua Pusat atau Ketua Pusat mencatatkan keputusan sama ada LULUS atau TOLAK atau PULANG dan jumlah yang telah diluluskan semasa pembentangan dibuat.</p> <p>a. LULUS : Semua ahli Mesyuarat Pusat bersetuju meluluskan permohonan sahabat dan menyerahkan kelulusan akhir ke peringkat seterusnya.</p> <p>b. TOLAK : Semua ahli Mesyuarat Pusat menolak atau tidak bersetuju meluluskan permohonan sahabat. Pemohon perlu mengisi borang baharu sekiranya ingin membuat pembentangan semula.</p> <p>c. PULANG : Borang tidak lengkap atau pembentangan ditangguhkan atas sebab-sebab tertentu dan boleh membuat pembentangan semula menggunakan borang yang sama.</p> <p>ii. Alasan Penolakan/ Pemulangan perlu dinyatakan sebagai rujukan semasa pembentangan semula.</p> <p>iii. Setiausaha Pusat/ Timbalan Ketua Pusat atau Ketua Pusat mencatatkan ulasan berdasarkan soal balas semasa sesi pembentangan pembiayaan.</p> <p>iv. Ketua Pusat/ Timbalan Ketua Pusat mengesahkan dengan menandatangani ruang yang berkaitan.</p>
<b>G</b>	<p><b>URUSAN PEGAWAI AMANAH</b></p> <p>i. Pegawai Amanah (PA) mencatatkan tarikh penerimaan Borang UPBN: P1 dan menyatakan keputusan sama ada <b>SOKONG, TOLAK atau PULANG</b> setelah berpuas hati dengan keupayaan Sahabat Usahawan.</p> <p>a. SOKONG : PA menyokong permohonan sahabat dan menyerahkan kelulusan akhir ke peringkat seterusnya.</p> <p>b. TOLAK : PA menolak atau tidak bersetuju permohonan sahabat. Pemohon perlu mengisi borang baharu sekiranya ingin membuat pembentangan semula.</p> <p>c. PULANG : Borang tidak lengkap atau pembentangan semula di Mesyuarat Pusat perlu dibuat atas sebab-sebab tertentu dengan menggunakan borang yang sama.</p> <p>ii. Nyatakan jumlah yang disokong. Jika permohonan ditolak atau dipulang, serahkan semula kepada Pusat / Sahabat Usahawan dan nyatakan Alasan Penolakan/ Pemulangan di ruangan yang disediakan.</p> <p>iii. Keupayaan Bayaran Balik Mingguan dengan merujuk Borang UPBN: M8 iaitu (25% daripada Pendapatan Isi Rumah) dan dibahagi kepada minggu iaitu empat (4) minggu.</p>

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

<b>BIL</b>	<b>PEKARA / KETERANGAN</b>
	<p>iv. PA menandatangani ruang berkaitan sebagai pengesahan dan catatkan tarikh urusan.</p> <p>Pematuhan Syariah Penggunaan Modal. Bulatkan YA atau TIDAK. PA perlu memastikan projek yang diusahakan oleh Sahabat Usahawan adalah dari sumber yang halal, jelas, diketahui dan tidak meragukan. Sekiranya Pematuhan Syariah Penggunaan Modal adalah TIDAK, pihak cawangan boleh menolak pembiayaan tersebut atau merujuk kepada Unit Pematuhan Kualiti &amp; Syariah (UPKD) atau Unit Pembiayaan (UPBN) terlebih dahulu.</p>
<b>H</b>	<p><b>URUSAN PENGURUSAN CAWANGAN</b></p> <p>i. PCK/ PC / PPC mencatatkan tarikh penerimaan Borang UPBN: P1 dan menyatakan sama ada <b>SOKONG, TOLAK atau PULANG</b>.</p> <p>a. SOKONG : PCK/ PC / PPC menyokong permohonan sahabat dan menyerahkan kelulusan akhir ke peringkat seterusnya.</p> <p>b. TOLAK : PCK/ PC / PPC menolak atau tidak bersetuju permohonan sahabat. Pemohon perlu mengisi borang baharu sekiranya ingin membuat pembentangan semula.</p> <p>c. PULANG : Borang tidak lengkap atau pembentangan semula di Mesyuarat Pusat perlu dibuat atas sebab-sebab tertentu dengan menggunakan borang yang sama.</p> <p>ii. Nyatakan jumlah yang disokong. Jika permohonan ditolak atau dipulang, serahkan pulangkan semula kepada Pusat / Sahabat Usahawan dan nyatakan Alasan Penolakan/ Pemulangan di ruangan yang disediakan.</p> <p>iii. PCK/ PC / PPC menandatangani ruang berkaitan sebagai pengesahan dan catatkan tarikh urusan.</p> <p>iv. Pematuhan Syariah Penggunaan Modal . Bulatkan YA atau Tidak. PA perlu memastikan projek yang diusahakan oleh Sahabat Usahawan adalah dari sumber yang halal, jelas, diketahui dan tidak meragukan. Sekiranya Pematuhan Syariah Penggunaan Modal adalah TIDAK, pihak cawangan boleh menolak pembiayaan tersebut atau merujuk kepada Unit Pematuhan Kualiti &amp; Syariah (UPKD) atau Unit Pembiayaan (UPBN) terlebih dahulu.</p>
<b>I</b>	<p><b>URUSAN PEMBAYARAN</b></p> <p>Sila kepilkan maklumat pembayaran / baucar pembayaran yang dicetak dari Sistem Pembiayaan Mikro AIM sebagai bukti penerimaan modal daripada AIM. Baucar yang dikepilkan perlu ditandatangani oleh Sahabat Usahawan dan disimpan bersama borang UPBN: P1 dalam Fail Peribadi Sahabat Usahawan.</p>
<b>J</b>	<p><b>SENARAI SEMAK DOKUMEN</b></p> <p>PCK/ PC / PPC / PA perlu tandakan ( ✓ ) bagi dokumen yang dikepilkan bersama Borang UPBN: P1 sebagai memenuhi keperluan untuk menyokong permohonan</p>

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

<b>BIL</b>	<b>PEKARA / KETERANGAN</b>
	pembiayaan sebelum keputusan sama ada menyokong, menolak atau memulangkan permohonan tersebut.
<b>K</b>	<b>PERINGATAN, SYARAT DAN TERMA PEMBIAYAAN</b> Ruangan ini perlu dibacakan semasa pembentangan permohonan pembiayaan.

#### 14.3 Kaedah Pengisian Borang Persetujuan Melantik Wakil (Wakalah) – (UPBN: P1-KM1)

PA/ PPC/ PC/ PCK perlu memastikan Borang UPBN: P1-KM1 adalah lengkap dan ditandatangani oleh Sahabat Usahawan. Kegagalan untuk melengkapkan borang jika bayaran telah dibuat mengakibatkan ketidakpatuhan kepada keperluan syariah.

<b>BIL</b>	<b>PEKARA / KETERANGAN</b>
<b>1</b>	<b>Bahagian 1 A – PROFIL PEMOHON / SAHABAT USAHAWAN</b> Sahabat Usahawan perlu melengkapkan maklumat dengan mengisi ruangan nama Sahabat Usahawan dan No. Kad Pengenalan.
<b>2</b>	<b>Bahagian 1 B – PERMOHONAN PEMBELIAN KOMODITI DAN AKUJANJI PEMBELIAN (WA'D)</b> Sahabat Usahawan membaca dan perlu memahami perkara 1 dan perkara 2 serta menandatangani ruangan Sahabat Usahawan. Ketua Pusat / Timbalan Ketua Pusat perlu menandatangani ruangan saksi. Nyatakan tarikh Sahabat Usahawan menandatangani di ruangan berkaitan.
<b>3</b>	<b>Bahagian 1 C – PERLANTIKAN WAKIL BAGI MENYEMPURNAKAN AQAD PEMBELIAN (WAKALAH 1)</b> Sahabat Usahawan membaca dan perlu memahami perkara 1 dan perkara 2 serta menandatangani ruangan Sahabat Usahawan. Ketua Pusat / Timbalan Ketua Pusat / Wakil Pusat perlu menandatangani ruangan saksi. Nyatakan tarikh Sahabat Usahawan menandatangani di ruangan berkaitan.
<b>4</b>	<b>Bahagian 2 A – PROFIL PEMILIK KOMODITI</b> Sahabat Usahawan perlu melengkapkan maklumat dengan mengisi ruangan nama Sahabat Usahawan, No. Kad Pengenalan, Kumpulan dan Pusat.
<b>5</b>	<b>Bahagian 2 B – PERLANTIKAN WAKIL BAGI PENJUALAN KOMODITI (WAKALAH 2)</b> Sahabat Usahawan membaca dan perlu memahami perkara yang dicatatkan serta menandatangani ruangan Sahabat Usahawan. Ketua Pusat / Timbalan Ketua Pusat perlu menandatangani ruangan saksi. Nyatakan tarikh Sahabat Usahawan dan ketua pusat menandatangani di ruangan berkaitan.

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

#### 14.4 Kaedah Pengisian Borang Kontrak Murabahah – (UPBN:P1-KM2)

- a. Borang ini dilengkapkan oleh Penolong Pegawai Akaun atau Penolong Pegawai Kerja Akaun atau mana-mana Pegawai yang telah dilantik menjadi wakil Sahabat Usahawan melalui Wakalah1 dan Wakalah 2.
  
- b. Penolong Pegawai Akaun atau Penolong Pegawai Kerja Akaun atau mana-mana Pegawai yang telah dilantik perlu menandatangani ruangan berkaitan bagi mengesahkan telah berlakunya Kontrak Murabahah dalam urusan pembiayaan Sahabat Usahawan.

#### 14.5 Kaedah Pengisian Borang Pengesahan Pelantikan Semula Wakil (Wakalah) Bagi Pembelian dan Penjualan Komoditi – (UPBN: P1- KM3)

BIL	PEKARA / KETERANGAN
1	<p><b>Bahagian A</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Bahagian ini perlu diisi oleh Pengurus Cawangan Kanan (PCK)/ Pengurus Cawangan (PC) bagi memaklumkan kepada Sahabat Usahawan bahawa borang pelantikan wakil tidak sempurna sama ada tidak ditandatangani atau tidak lengkap. Sila isi butir-butir berkaitan pembiayaan yang telah diterima oleh Sahabat Usahawan. Kemudian PCK/ PC perlu menurunkan tandatangan, nama dan tarikh.</li> <li>ii. PCK/ PC menyerahkan borang ini kepada Pegawai Amanah untuk dilengkapkan oleh Sahabat Usahawan dan Ketua Pusat semasa Mesyuarat Pusat.</li> </ol>
2	<p><b>Bahagian B</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Bahagian ini perlu diisi oleh Sahabat Usahawan yang berkaitan kerana borang tidak sempurna sama ada tidak lengkap atau telah tidak menandatangani borang sama ada Wakalah 1 atau 2 atau kedua-dua borang tersebut bagi mengesahkan bahawa Sahabat Usahawan telah bersetuju atau tidak bersetuju dengan pelantikan setelah pembayaran dikreditkan ke dalam akaun mereka. Sila tandatangan di ruangan Sahabat Usahawan, Ketua Pusat/ Timbalan Ketua Pusat, serta isikan tarikh dan nama.</li> <li>ii. Borang yang telah lengkap diserahkan kepada Pegawai Amanah dan dikepulkan bersama dengan Borang Permohonan Pembiayaan dalam Fail Peribadi Sahabat Usahawan.</li> </ol>

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

### 15.0 Panduan Mengisi Borang Permohonan Penjadualan Semula Bayaran (UPBN : P2)

Satu borang digunakan untuk permohonan satu jenis pembiayaan sahaja. Lampirkan Jadual Bayaran Balik dan salinan M6 yang berkaitan bersama dengan borang permohonan.

<b>BIL</b>	<b>PERKARA / KETERANGAN</b>
<b>A</b>	<b>MAKLUMAT PEMOHON</b>
	<p><b>Nama Sahabat Usahawan, Pusat, Nombor Kad Pengenalan Baru dan No Ahli-</b> Tuliskan maklumat Sahabat Usahawan yang perlukan PJS, pusat, nombor Kad Pengenalan baru dan nombor ahli Sahabat Usahawan.</p>
	<p><b>Alasan Permohonan</b> – Sila tanda (√) dan kemaskini di Sistem Pembiayaan Mikro AIM.</p>
	<p><b>Nama Pemohon</b> - Nyatakan nama pemohon jika permohonan bukan daripada Sahabat Usahawan sendiri.</p>
	<p><b>Tandatangan Sahabat Usahawan / Pemohon dan Tarikh</b></p> <p>i. Turunkan tandatangan sama ada Sahabat Usahawan sendiri yang memohon atau pemohon selain daripada Sahabat Usahawan.</p> <p>ii. Catatkan tarikh permohonan dibuat.</p>
	<p><b>Status Sahabat Usahawan</b> - Tandakan (√) di ruangan berkaitan sama ada Sahabat Usahawan masih aktif, tidak aktif (tidak hadir ke pusat tapi masih boleh dihubungi) dan tidak dapat dikesan.</p>
	<p><b>Permohonan Dicadangkan Oleh</b> - Tandakan (√) di ruangan berkaitan sama ada permohonan disyor atau dicadangkan oleh Sahabat Usahawan sendiri atau waris atau Jemaah Pusat (Sahabat Usahawan pusat yang lain)</p>
<b>B</b>	<b>MAKLUMAT PEMBIAYAAN</b>
<b>B1</b>	<b>PEMBIAYAAN AKTIF</b>
	<p><b>Jenis Skim</b> - Nyatakan jenis skim seperti i-Muda, i-Rezeki, i-Srikandi, i-Bestari, i-Sejahtera atau i-Penyayang</p>

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

<b>BIL</b>	<b>PERKARA / KETERANGAN</b>
	<p><b>Nombor Akaun</b> - Merujuk kepada nombor akaun yang dijana oleh Sistem Pembiayaan Mikro AIM.</p> <p><b>Tarikh Terima</b> - Merujuk kepada tarikh pembiayaan berkaitan diterima sama ada secara tunai ataupun bayaran melalui akaun.</p> <p><b>Jumlah (RM) dan Baki (RM)</b> - Nyatakan jumlah pembiayaan diterima dan baki semasa permohonan dibuat.</p>
<b>B2</b>	<b>MAKLUMAT PENJADUALAN SEMULA</b>
	<p><b>Bayaran Mingguan</b> - Nyatakan jumlah bayaran mingguan yang mampu dijelaskan.</p> <p><b>Tempoh Bayaran Balik</b> - Nyatakan tempoh PJS – maksimum-3 tahun (150 minggu) dengan tertakluk kepada jenis skim pembiayaan.</p> <p><b>Tarikh Mula dan Tarikh Akhir PJS</b> - Nyatakan cadangan tarikh mula dan tamat PJS.</p> <p><b>Punca Bayaran</b> - Bulatkan ruangan berkaitan – Sahabat Usahawan / Waris / Sahabat Pusat yang akan membantu bayaran balik.</p>
<b>C</b>	<b>PENGESAHAN DAN KELULUSAN</b>
<b>C1</b>	<b>PEGAWAI AMANAH</b> - PA memperakukan permohonan dengan menandatangani ruangan yang berkaitan.
<b>C2</b>	<b>PENGURUSAN CAWANGAN</b> PCK/ PC mengesahkan permohonan dan memutuskan sama <b>ada LULUS / TOLAK / PULANG</b> dengan bulatkan yang berkaitan sahaja.
<b>C3</b>	<b>PENGURUSAN WILAYAH</b> PPW dan ke atas mengesahkan permohonan dan memutuskan sama <b>ada LULUS / TOLAK / PULANG</b> dengan bulatkan yang berkaitan sahaja.
<b>D</b>	<b>KEMAS KINI SISTEM PEMBIAYAAN MIKRO AIM</b> i. PAS mengemaskini maklumat yang berkaitan setelah permohonan diluluskan oleh <del>PW</del> PPW dan ke atas.

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

<b>BIL</b>	<b>PERKARA / KETERANGAN</b>
	ii. PAS menandatangani di ruangan berkaitan dan merekodkan tarikh PJS dikemaskinikan dalam Sistem Pembiayaan Mikro AIM.

### 16.0 Panduan Mengisi Borang Permohonan Penangguhan Bayaran (UPBN : P3)

- Borang UPBN : P3 digunakan untuk menanggung bayaran balik pembiayaan.
- Penangguhan disebabkan kematian perlu melampirkan pengesahan atau bukti kematian seperti laporan daripada pihak polis/ permit penguburan / pengesahan-pengesahan daripada Pengerusi JKK / Ketua Anak Negeri / Penghulu dan lain-lain yang bersesuaian.
- Lampirkan Jadual Bayaran Balik dan salinan M6 yang berkaitan bersama dengan borang permohonan.

<b>BIL</b>	<b>PERKARA / KETERANGAN</b>
<b>A</b>	<b>MAKLUMAT PEMOHON</b>
	<p><b>Nama Sahabat Usahawan, Pusat, Nombor Kad Pengenalan Baru dan No Ahli-</b> Tuliskan maklumat Sahabat Usahawan yang perlukan penangguhan, pusat, nombor Kad Pengenalan baru dan nombor ahli Sahabat Usahawan.</p>
	<p><b>Nama Pemohon</b> - Nyatakan nama pemohon jika permohonan bukan daripada Sahabat Usahawan sendiri.</p>
	<p><b>Tandatangan Sahabat Usahawan / Pemohon dan Tarikh</b></p> <p>i. Turunkan tandatangan sama ada Sahabat Usahawan sendiri yang memohon atau pemohon selain daripada Sahabat Usahawan.</p> <p>ii. Catatkan tarikh permohonan dibuat.</p>
	<p><b>Status Sahabat Usahawan</b> - Tandakan (√) di ruangan berkaitan sama ada Sahabat Usahawan masih aktif, tidak aktif (tidak hadir ke pusat tapi masih boleh dihubungi) dan tidak dapat dikesan.</p>
	<p><b>Penangguhan Dicadangkan Oleh</b> - Tandakan (√) di ruangan berkaitan sama ada permohonan disyor atau dicadangkan oleh Sahabat Usahawan sendiri atau waris, Jemaah Pusat (Sahabat Usahawan pusat yang lain) dan kakitangan AIM.</p>

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

<b>BIL</b>	<b>PERKARA / KETERANGAN</b>
<b>B</b>	<b>MAKLUMAT PEMBIAYAAN AKTIF DAN CADANGAN PENANGGUHAN</b>
	<p><b>Maklumat Pembiayaan</b></p> <p>i. Nyatakan maklumat pembiayaan yang akan ditangguhkan mengikut skim.</p> <p>ii. Lengkapkan maklumat berkaitan skim pembiayaan seperti tarikh terima, jumlah dan baki pembiayaan.</p> <p>iii. Nyatakan cadangan tarikh mula dan tempoh penangguhan.</p> <p>iv. Bilangan kali penangguhan yang telah diluluskan oleh pihak Wilayah (tidak termasuk permohonan semasa)</p>
	<p><b>Sebab Penangguhan</b></p> <p>Tandakan ( ✓ ) di ruangan berkaitan mengikut sebab dan alasan penangguhan.</p>
<b>C</b>	<b>PENGESAHAN DAN KELULUSAN</b>
<b>C1</b>	<p><b>PEGAWAI AMANAH</b></p> <p>PA memperakukan permohonan dengan menandatangani ruangan yang berkaitan.</p>
<b>C2</b>	<p><b>PENGURUSAN CAWANGAN</b></p> <p>PCK/ PC mengesahkan permohonan dan memutuskan sama <b>ada LULUS/ TOLAK/ DIPULANGKAN.</b></p>
<b>C3</b>	<p><b>PENGURUSAN WILAYAH</b></p> <p>PPW dan ke atas mengesahkan permohonan dan memutuskan sama <b>ada LULUS/ TOLAK /DIPULANGKAN.</b></p>
<b>D</b>	<p><b>KEMAS KINI SISTEM PEMBIAYAAN MIKRO AIM</b></p> <p>i. PAS mengemaskini maklumat yang berkaitan setelah permohonan diluluskan oleh PPW dan ke atas.</p> <p>ii. PAS menandatangani di ruangan berkaitan dan merekodkan tarikh TBB dikemaskinikan dalam Sistem Pembiayaan Mikro AIM.</p>

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

### 17.0 Panduan Mengisi Borang Permohonan Batal Penangguhan Bayaran (UPBN : P5)

Borang UPBN : P5 digunakan untuk mohon pembatalan bagi penangguhan bayaran yang sedang berjalan.

<b>BIL</b>	<b>PERKARA / KETERANGAN</b>
<b>A</b>	<b>MAKLUMAT PEMOHON</b>
	<p><b>Nama Sahabat Usahawan, Pusat, Nombor Kad Pengenalan Baru dan No Ahli-</b> Tuliskan maklumat Sahabat Usahawan yang perlukan pembatalan penangguhan, pusat, nombor Kad Pengenalan baru dan nombor ahli Sahabat Usahawan.</p>
	<p><b>Nama Pemohon</b> - Nyatakan nama pemohon jika permohonan bukan daripada Sahabat Usahawan sendiri.</p>
	<p><b>Tandatangan Sahabat Usahawan / Pemohon dan Tarikh Tandatangan</b></p> <p>i. Turunkan tandatangan sama ada Sahabat Usahawan sendiri yang memohon atau pemohon selain daripada Sahabat Usahawan.</p> <p>ii. Catatkan tarikh permohonan dibuat.</p>
<b>B</b>	<b>MAKLUMAT PEMBIAYAAN – BATAL PENANGGUHAN BAYARAN</b>
	<p><b>Maklumat Pembiayaan</b></p> <p>Lengkapkan maklumat berkaitan skim pembiayaan seperti baki pembiayaan, tempoh penangguhan, tarikh tamat tangguh dan bilangan penangguhan.</p>
<b>C</b>	<b>PENGESAHAN DAN KELULUSAN</b>
<b>C1</b>	<p><b>PEGAWAI AMANAH</b></p> <p>PA memperakukan permohonan dengan menandatangani ruangan yang berkaitan.</p>
<b>C2</b>	<p><b>PENGURUSAN CAWANGAN</b></p> <p>PCK/ PC mengesahkan permohonan dan memutuskan sama <b>ada LULUS / TOLAK / DIPULANGKAN.</b></p>
<b>C3</b>	<p><b>PENGESAHAN WILAYAH</b></p> <p>PPW dan ke atas mengesahkan permohonan dan memutuskan sama <b>ada LULUS / TOLAK / DIPULANGKAN.</b></p>

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

### 18.0 Panduan Mengisi Borang Pendaftaran Ben 8(a) (UPBN : P1/ BEN 8 (a))

- Borang Ben 8(a) digunakan untuk membenarkan penggunaan akaun bagi pihak Sahabat Usahawan yang mempunyai alasan yang dibenarkan.
- Penggunaan akaun pihak kedua jika disebabkan kematian, muflis, tidak dapat dikesan, berhutang di pusat, tiada waris dan masalah akaun bank perlu melampirkan pengesahan atau bukti seperti laporan daripada pihak polis/ permit pengkuburan/ pengesahan-pengesahan daripada Pengerusi JKK/ Ketua Anak Negeri/ Penghulu dan lain-lain yang bersesuaian.
- Borang Ben 8(a) dicetak depan dan belakang.

<b>BIL</b>	<b>PERKARA / KETERANGAN</b>
<b>A</b>	<b>TUJUAN</b>
1	<b>Tujuan:</b> Tandakan (X) bagi tujuan permohonan penggunaan Ben 8(a) tersebut pada kotak yang berkaitan.
2	<b>Cawangan:</b> Masukkan nama cawangan
<b>B</b>	<b>PERMOHONAN SAHABAT USAHAWAN/ SAHABAT USAHAWAN PUSAT / WARIS</b>
1	<b>Nama dan Nombor Telefon:</b> Masukkan nama pemohon dan nombor telefon.
2	<b>Nombor Kad Pengenalan / Passport :</b> Masukkan maklumat berkaitan.
3	<b>Kumpulan :</b> Masukkan nama kumpulan pemohon.
4	<b>Pusat :</b> Masukkan nama pusat pemohon.
5	<b>Nama Pemohon -</b> Nyatakan nama pemohon jika permohonan bukan daripada Sahabat Usahawan sendiri.
6	<b>Hubungan Dengan Sahabat Usahawan :</b> Nyatakan hubungan pemohon dengan Sahabat Usahawan.
7	<b>Alasan Permohonan :</b> Nyatakan alasan untuk menggunakan akaun pihak kedua. Tandatangan bagi pemohon yang masih ada manakala jika meninggal dunia hanya tandatangan bagi pihak dan nyatakan nama.
<b>C</b>	<b>PERSETUJUAN PENAMA AKAUN</b>
1	<b>Nama :</b> Masukkan nama penuh penama akaun.
2	<b>Nombor Kad Pengenalan / Passport :</b> Masukkan maklumat berkaitan.

	<b>PROSEDUR PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Dokumen</b>	<b>AIM-GP/UPBN-06</b>
		<b>No. Versi</b>	<b>1.0</b>
	<b>GARIS PANDUAN PERATURAN DAN SYARAT PENGURUSAN SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR</b>	<b>No. Pindaan</b>	<b>01</b>
		<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<b>7/03/2024</b>

<b>BIL</b>	<b>PERKARA / KETERANGAN</b>
<b>3</b>	<b>Nombor Akaun</b> : Masukkan nombor akaun yang berkaitan dan nama bank.
<b>4</b>	<b>Nombor Telefon</b> : Nombor telefon penama akaun (jika ada).
<b>5</b>	<b>Tandatangan dan Tarikh</b> : Penama akaun menandatangani dan catatkan tarikh urusan.
<b>6</b>	<b>Hubungan dengan Sahabat Usahawan</b> : Nyatakan hubungan dengan Sahabat Usahawan (Pemohon)
<b>D</b>	<b>PENGESAHAN PUSAT</b>
<b>1</b>	<b>Tarikh Pembentangan</b> : Masukkan tarikh pembentangan permohonan (Tarikh Mesyuarat Pusat)
<b>2</b>	<b>Keputusan</b> : Tandakan samada LULUS atau TOLAK. Tandatangan Ketua Pusat atau Timbalan Ketua Pusat dan tarikh urusan.
<b>E</b>	<b>PENGESAHAN PENGURUS CAWANGAN KANAN/ PENGURUS CAWANGAN</b>
<b>1</b>	<b>Keputusan</b> : Bulatkan samada LULUS atau TOLAK
<b>2</b>	<b>Alasan Permohonan</b> : Tandakan mengikut ruangan mengikut alasan yang telah disediakan
<b>3</b>	<b>Catatan</b> : Sila catatkan alasan untuk menyokong penggunaan penama akaun.
<b>4</b>	<b>Tandatangan</b> : Tandatangan dan serta cap jawatan dan tarikh tandatangan
<b>F</b>	<b>PENGESAHAN PENGURUS WILAYAH DAN KE ATAS</b>
<b>1</b>	<b>Keputusan</b> : Bulatkan samada LULUS atau TOLAK
<b>2</b>	<b>Catatan</b> : Sila catatkan alasan untuk menyokong penggunaan penama akaun
<b>3</b>	<b>Tandatangan dan serta cap jawatan dan tarikh tandatangan</b>
<b>G</b>	<b>SENARAI SEMAK OLEH PEGAWAI AMANAH (PA)</b>
	Sila tandakan ( ✓ ) bagi dokumen yang dilampirkan bersama permohonan dan disahkan PA sebelum hantar kepada Pengurus Cawangan Kanan/ Pengurus Cawangan.